

MEDIA WARGA KOTA

WILAYAHKU

JERUNG JUGA TAK TERLEPAS

Siapa dalang
23 Januari? >> 7

Keringat menitis
atas rumput >> 9 - 11

Santapan ulat
buku >> 12 - 13

Penubuhan RCI Batu Puteh

Kerajaan mahu kenal pasti punca sebenar

AZLAN ZAMBRY

KERAJAAN Persekutuan ingin bersikap telus untuk mengenal pasti apakah sebenarnya yang telah berlaku dalam episod yang mendukacitakan melibatkan kedaulatan negara khususnya dalam kes kehilangan pegangan terhadap Pulau Batu Puteh.

Penganalisis Undang-Undang Antarabangsa, **Dr Mohamed Hadi Abdul Hamid**

berkata penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) itu untuk menyiasat serta merungkai dengan terperinci mengenai perkara yang melibatkan hak dan kedaulatan Malaysia.

“Kita mendengar kononnya permohonan ditarik balik kerana kos terlalu mahal, tidak berbaloi dan sebagainya, adakah kedaulatan negara kita boleh diukur dengan wang ringgit semata-mata?”

“Kita juga mendengar jawapan berbeza-beza sesama menteri Kabinet pada ketika itu. Ada yang mengatakan ia telah dibincangkan dalam mesyuarat Kabinet, malah ada yang kata tidak dibincangkan. Maka biarlah mereka yang terlibat menjawab dengan RCI.



MOHAMED HADI

“Jadi kita tidak tahu mana satu yang betul. Biarlah semua fakta itu didedah dan dimuktamadkan oleh RCI,” kata beliau.

Sebelum ini, Jemaah Menteri bersetuju untuk menubuhkan RCI bagi mengkaji pengendalian perkara berkaitan dengan

kedaulatan Pulau Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan.

Menjelaz lanjut, Mohamed Hadi menyatakan meskipun sekiranya RCI ini mendapati ada fakta baharu, ia berkemungkinan tidak akan mempengaruhi keputusan yang telah di buat oleh Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) di The Hague,

Belanda.

“Ibarat pepatah Inggeris, kes Pulau Batu Puteh sudah menjadi *water under the bridge*, kesilapan itu sudah berlalu dan tidak ada apa lagi yang boleh diubah.

“Ia juga boleh dijadikan pengajaran kepada generasi masa hadapan bahawa kedaulatan negara tiada galang gantinya dan laporan RCI akan menjadi rekod yang kekal sehingga akhir zaman,” katanya.

Menurut beliau, penghakiman ICJ pada tahun 2008 bukanlah berkenaan Pulau Batu Puteh sahaja, Malaysia masih memiliki



KES Pulau Batu Puteh sudah menjadi 'water under the bridge'.

kedaulatan di Batuan Tengah yang terletak tidak sampai satu kilometer dari Pulau Batu Puteh.

“Pelbagai struktur binaan kekal telah dibina di situ untuk menandakan kedaulatan Malaysia.

“Jadi saya fikir dengan kedudukan Pulau Batu Puteh dan Batuan Tengah yang terletak bersebelahan boleh diuruskan secara harmoni oleh Malaysia dan Singapura serta tidak wajar dijadikan punca konflik atau pertikaian antara dua negara berjiran,” katanya.

Beliau turut menyatakan terma rujukan utama RCI seperti yang diumumkan oleh kenyataan media Ketua Setiausaha Negara yang juga Setiausaha Jemaah Menteri, Tan Sri Mohd Zuki Ali iaitu 'mengkaji pengendalian perkara berkaitan dengan kes kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan' adalah merujuk kepada tindakan kerajaan Malaysia pada 28 Mei 2018 untuk menarik balik permohonan membatalkan keputusan ICJ yang menganugerahkan bidang

kuasa undang-undang Batu Puteh kepada Singapura.

“Jadi secara teknikalnya Malaysia sudah kehilangan hak untuk menyemak semula keputusan ICJ, namun 'kecuaian' untuk tidak merayu itu tidak boleh dibiarkan begitu sahaja, apatah lagi tindakan menarik balik permohonan kepada ICJ itu turut mengundang kemurkaan Sultan Johor, Sultan Ibrahim Ibnu Almarhum Sultan Iskandar yang bakal menjadi Yang di-Pertuan Agong selepas ini,” katanya. **WK**

KWSP umum i-Saraan dinaikkan

KUMPULAN Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mengumumkan had maksimum insentif caruman padanan kerajaan untuk program i-Saraan dinaikkan dari RM300 ke RM500 setahun bermula 1 Januari lepas.

KWSP berkata, rakyat Malaysia berumur bawah 60 tahun, berada dalam sektor tidak formal termasuk bekerja sendiri dan tiada pendapatan tetap, serta mencarum secara sukarela di bawah program itu, akan menerima insentif padanan sebanyak 15 peratus daripada caruman sukarela, tertakluk kepada had insentif maksimum RM500 setahun.

“Kerajaan juga akan terus memberi insentif itu kepada setiap peserta i-Saraan yang mencarum, tertakluk kepada insentif seumur hidup maksimum RM5,000.

“Ia bertujuan menggalakkan mereka terus menyimpan untuk persaraan dan membolehkan lebih ramai ahli mendapat manfaat,” katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Bagi setengah tahun pertama 2023, insentif kerajaan sebanyak RM28 juta telah dikreditkan kepada 211,361 ahli di bawah program i-Saraan.

“Insentif caruman padanan untuk program i-Saraan itu antara



CARUMAN padanan kerajaan untuk program i-Saraan dinaikkan ke RM500.

siri penambahbaikan strategik produk dan polisi yang memberi kesan terhadap memperkukuh masa depan persaraan dan jaminan pendapatan ahlinya,” jelasnya.

Sementara itu, KWSP berkata inisiatif sama turut diperkenalkan untuk program i-Suri iaitu kerajaan akan memberikan insentif caruman padanan sebanyak 50 peratus bagi setiap RM1 sumbangan sukarela suri rumah berumur 55 tahun dan ke bawah, serta berdaftar dalam pangkalan data e-Kasih, tertakluk kepada had insentif maksimum sebanyak RM300 setahun.



OPR kekal 3 peratus

JAWATANKUASA Dasar Monetari (MPC), Bank Negara Malaysia (BNM) mengumumkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) dikekalkan pada tahap tiga peratus.

BNM berkata, pada tahap OPR semasa, pendirian dasar monetari terus menyokong ekonomi yang konsisten dengan penilaian semasa berhubung prospek pertumbuhan dan inflasi.

“MPC tetap berwaspada terhadap perkembangan semasa bagi memaklumkan penilaian prospek inflasi dan pertumbuhan dalam negeri.

“MPC akan memastikan pendirian dasar monetari kekal kondusif untuk pertumbuhan ekonomi yang mampan dalam keadaan harga yang stabil,” katanya dalam satu kenyataan.

Menurut BNM, dari segi ekonomi negara, anggaran awal Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi suku keempat telah mengesahkan bahawa pertumbuhan keseluruhan pada tahun 2023 berkembang mengikut jangkaan.

“Pada masa hadapan, pertumbuhan dijangka meningkat pada tahun 2024,

disokong oleh pemulihan eksport dan perbelanjaan dalam negeri yang berdaya tahan.

“Pertumbuhan guna tenaga dan upah yang berterusan kekal menyokong perbelanjaan isi rumah, ketibaan dan perbelanjaan pelancong dijangka meningkat. Aktiviti pelaburan akan disokong oleh projek berbilang tahun dalam sektor swasta dan awam yang terus dilaksanakan serta pelaksanaan inisiatif pemangkin di bawah beberapa pelan induk nasional.

“Prospek pertumbuhan terus bergantung pada risiko pertumbuhan menjadi perlahan yang berpunca daripada permintaan luaran yang lebih lemah daripada jangkaan serta penurunan pengeluaran komoditi yang lebih besar.

“Sementara itu, kemungkinan pertumbuhan menjadi lebih tinggi berpunca terutamanya daripada limpahan peningkatan kitaran teknologi yang lebih besar, aktiviti pelancongan yang lebih kukuh daripada jangkaan serta pelaksanaan yang lebih pantas bagi projek sedia ada dan projek baharu,” ujarnya. **WK**

Demi kepentingan negara

SPRM arah 'jerung' isytihar harta

WARTAWAN WILAYAHKU

TINDAKAN Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengarahkan 'jerung' yang disyaki perasuah serta individu yang memperolehi kekayaan luar biasa daripada aktiviti berunsur rasuah untuk mengisytiharkan harta perlu disokong.

Presiden Pemerhati Rasuah Malaysia (MCW), **Jais Abdul Karim** berkata tindakan undang-undang yang diambil kerajaan termasuk mengheret bekas-bekas pemimpin perlu dilihat positif dan mesti disokong kerana ia adalah langkah yang wajar dilakukan untuk kepentingan negara.

Tegas beliau, jenayah rasuah tiada tarikh luput dan tiada seorang pun individu yang boleh terlepas walau siapa pun mereka.

"Tindakan yang diambil kerajaan merupakan usaha yang betul dalam membanteras amalan rasuah. Justeru tindakan terhadap pesalah rasuah termasuk bekas pemimpin adalah langkah penting dan positif dalam usaha tersebut," katanya.

Ujar beliau setiap tindakan yang diambil kerajaan akan memberikan kesan dan ia boleh dirasai dalam pelbagai bidang.

"Ini termasuk pelaksanaan undang-undang yang lebih tegas dan menyeluruh dan saya lihat ia mampu membentuk sistem politik yang lebih bersih dan kesan

baik pemulihan ekonomi melalui tindakan antirasuah yang lebih tegas ini," katanya.

Terdahulu, langkah yang diambil Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mahu memastikan negara ini bebas daripada amalan rasuah dan salah guna kuasa dilihat sebagai isyarat daripada kerajaan yang telah mengisytiharkan 'perang' melawan jenayah tersebut

termasuk menyiasat mana-mana pihak yang bersekongkol dengan perkara tersebut.

Jais berkata penilaian mengenai langkah ini sebagai populis atau dendam mungkin bergantung pada perspektif individu tertentu.

"Beberapa pihak mungkin melihatnya sebagai

usaha bersungguh-sungguh untuk membersihkan sistem, sementara yang lain mungkin mempertikaikan motif di sebaliknya.

"Pada rakyat, sebarang tindakan ke atas mereka yang disyaki melakukan rasuah adalah perkara penting dan ia patut disokong penuh," katanya.

Ditanya kemungkinan terdapat tindak balas politik terhadap usaha yang dilaksanakan kerajaan, Jais berkata ia mempunyai asas untuk melakukan perkara itu.

"Tetapi hal ini juga bergantung pada bagaimana masyarakat dan pelaku politik menginterpretasikan langkah-langkah tersebut," katanya.

Menurut Jais, tindakan

pembanteras rasuah yang jelas dan berkesan biasanya dapat memberikan impak positif kepada Indeks Persepsi Rasuah (CPI).

"Jika tindakan tersebut membawa kepada peningkatan ketelusan, keberanian dalam menangani kes rasuah dan penegakan undang-undang yang efektif, maka ada kemungkinan CPI Malaysia akan mengalami peningkatan.

"Namun, perubahan dalam CPI juga turut dipengaruhi oleh pelbagai faktor termasuk sistem perundangan, ketelusan institusi, dan kesedaran masyarakat terhadap rasuah.

"Oleh itu, tindakan pemerintah adalah langkah positif, keberhasilan dalam meningkatkan CPI juga bergantung pada bagaimana tindakan tersebut diimplementasikan dan diterima oleh masyarakat," kata beliau.

Dengan perkembangan baharu ini, Jais menyifatkan tindakan yang diambil kerajaan pasti mendapat sokongan dan dukungan penuh orang awam dan rakyat Malaysia.

"Ia kini bergantung kepada pandangan masing-masing. Beberapa pihak mungkin menyokong sebagai usaha bersihkan sistem manakala yang lain mungkin mempunyai pandangan berbeza berdasarkan faktor politik dan sosial," katanya.

Sebelum ini, SPRM menerusi kenyataan telah memaklumkan bahawa anak kepada seorang bekas Perdana Menteri telah dipanggil untuk mengisytiharkan harta yang dimiliki. Selain itu, sebuah bangunan yang dikenali sebagai Menara Ilham yang

KRONOLOGI SIASATAN SPRM

7 Jun 2023 :
SPRM telah menyerahkan satu notis mengikut Seksyen 36(1)(a) Akta SPRM2009 (Akta 694) kepada Tun Daim Zainuddin supaya mengisytiharkan segala aset sama ada di dalam dan luar negara secara bertulis serta akuan bersumpah dalam tempoh 30 hari dari tarikh notis.

21 Disember 2023 :
Bangunan Menara Ilham di Jalan Binjai Kuala Lumpur, disita Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengikut Akta SPRM 2009.

28 Disember 2023 :
Tun Daim Zainuddin menafikan beliau dan keluarganya terdapat dalam rasuah atau sebarang salah laku, sebaliknya mendakwa siasatan terhadapnya bermotifkan politik.

30 Disember 2023 :
SPRM dalam kenyataan mengesahkan siasat bekas Daim atas dakwaan rasuah, pengubahan wang haram.

Dalam kenyataan sama, SPRM menyatak Daim memohon lanjutan tempoh sebanyak lima kali dan diberikan lanjutan pada 6 Julai, 10 Ogos, 11 September, 11 Oktober dan terakhir pada 14 November lalu untuk mengisytiharkan segala aset miliknya.

10 Januari 2024 :
SPRM mengesahkan sudah memanggil isteri Daim, Toh Puan Na'imah Abdul Khalid serta dua anaknya, Muhammad Amin Zainuddin Daim dan Muhammad Amir Zainuddin Daim bagi dirakamkan keterangan.

18 Januari 2024 :
SPRM mengesahkan sedang menyiasat anak bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, Mirzan berhubung dakwaan pengubahan wang haram susulan pendedahan Pandora Kertas.

22 Januari 2024 :
Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad mempersoalkan tindakan SPRM yang memanggil anaknya, Mirzan untuk dirakam keterangan.

23 Januari 2024 :
Isteri Tun Daim Zainuddin, Toh Puan Na'imah Abdul Khalid didakwa di Mahkamah Sesyen atas pertuduhan gagal mematuhi notis dengan tidak mengisytiharkan 12 harta termasuk Menara Ilham dan beberapa hartanah di sekitar Kuala Lumpur dan Pulau Pinang.

24 Januari 2024 :
Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki mengesahkan telah menerima 'lampu hijau' dari Jabatan Peguam Negara untuk mendakwa Tun Daim Zainuddin di bawah Akta SPRM 2009 kerana gagal mengisytiharkan harta.

dimiliki bekas menteri Kabinet telah disita pada Disember tahun lalu manakala ahli keluarganya diarahkan untuk mengisytiharkan harta dan disiasat melalui Seksyen

36(2) Akta SPRM 2009 yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum lima tahun dan denda sehingga RM100,000, jika sabit kesalahan. **WK**

MCW gesa teruskan siasatan orang kenamaan

PEMERHATI Rasuah Malaysia (MCW) membidas kenyataan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang mendakwa golongan yang paling sukar untuk disiasat ialah Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan Ketua Pesuruhjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Setiausaha Agung MCW, **Rosdi Amir** berkata dakwaan tersebut tersasar dan tidak berasas kerana SPRM telah memulakan siasatan terhadap Datuk Seri Mohd Najib Abdul Razak pada 2015 ketika beliau masih menjawat sebagai Perdana Menteri.

"Penyiasatan SPRM bermula pada Julai 2015 retetan daripada beberapa aduan awam dan liputan media massa dalam negara dan juga antarabangsa berhubung dakwaan kemasukan wang dalam jumlah yang besar ke dalam akaun peribadi Datuk Seri Mohd Najib yang dianggarkan kira-kira RM2.6 bilion.

"Wang ini didakwa telah diseleweng oleh beliau dengan bantuan seorang yang dikatakan proksinya bernama Low Taek Jho (Jho Low) dan akhirnya beliau telah dibawa ke muka pengadilan dan setelah melalui prosiding yang sah, Datuk Seri Mohd Najib telah disabitkan dan dijatuhkan hukuman oleh mahkamah," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Menurut Rosdi, siasatan SPRM tidak terhenti setakat itu, malah pada Julai 2018, SPRM juga telah menyiasat Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi bagi kes dana Yayasan Akalbudi (YAB).

"Walaupun Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur sebelum ini melepas tanpa membebaskan Ahmad Zahid daripada 47 tuduhan pecah amanah, rasuah dan pengubahan wang haram, namun siasatan baharu tidak pernah diumumkan sebagai berakhir," katanya.

Mengulas lanjut, Rosdi

berkata jika hendak disenaraikan, tidak keterlaluan dikatakan kita juga mungkin sudah *lost count* berikutan SPRM meneruskan siasatan terhadap pelbagai pihak lain termasuk menteri atau bekas menteri daripada pelbagai parti sama ada kerajaan dan pembangkang.

Beliau turut mempersoalkan kenyataan Tun Mahathir mengenai dakwaan wujudnya *selective investigation and prosecution*.

Mengenai dakwaan isu saham Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki yang dikatakan tidak disiasat, Rosdi mengatakan bahawa perkara itu merupakan satu tohmahan kerana isu itu telah disiasat tidak kurang dari enam badan dalaman, pemantau bebas serta agensi penguat kuasa termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Sekuriti.

"Kesemua siasatan mendapati tiada kesalahan telah dilakukan oleh beliau," katanya.

Tegas Rosdi, SPRM tidak pernah mempunyai dan melaksanakan polisi siasatan terpilih sahaja yang menyebabkan kerugian atau ketirisan dana kerajaan atau awam akan disiasat.

"Tohmahan terhadap SPRM seumpama ini sudah menjadi satu kelaziman oleh pihak tertentu yang mempunyai agenda politik mahupun agenda lainnya," katanya.

Dalam pada itu, dakwaan seorang anak kepada individu bergelar Tun telah diugut penjara lima tahun oleh pegawai SPRM sekiranya tidak mengisytiharkan harta, Rosdi menjelaskan bahawa umum seharusnya faham mengenai prosedur standard operasi (SOP) dan undang-undang yang terkandung dalam Kuasa Memperoleh Maklumat dalam Seksyen 36(1) dan 36(2) Akta SPRM 2009.

"Menurut Seksyen 36(2) ASPRM 2009, mana-mana orang dengan sengaja mengabaikan atau

tidak mematuhi terma notis itu telah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun dan didenda tidak melebihi RM100,000.

"Ini bermakna individu yang melakukan kesalahan tersebut perlu dibicarakan di mahkamah dan disabitkan sebelum menerima hukuman penjara.

"Lazimnya, seksyen ini akan dibacakan dan diperjelaskan oleh pegawai SPRM untuk mendapatkan persetujuan maklum (*informed consent*) daripada individu tersebut agar persetujuannya sah," katanya.

Beliau turut menyeru kepada orang ramai bahawa kenyataan SPRM itu tidak patut disalah anggap sebagai satu ugutan kerana ia adalah SOP bahawa serahan Perintah Notis Pengisytiharan Harta yang dilaksanakan adalah sebagai sebahagian proses siasatan. **WK**

Di sebalik Majlis Jamuan Teh Diraja

Anwar antara terawal tiba

BARU-BARU ini berlangsungnya Majlis Jamuan Teh Diraja di Istana Negara bersempena tamatnya pemerintahan Yang di-Pertuan Agong ke-16, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah pada 30 Januari akan datang.

Majlis yang turut dihadiri Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah menghimpunkan 2,500 tetamu yang terdiri daripada Perdana Menteri, menteri-menteri Kabinet, ahli-ahli Parlimen dan sebagainya.

Namun di sebalik majlis yang berprotokol tersebut wujudnya andaian daripada segelintir pihak yang suka mencetuskan fitnah mengatakan kononnya Perdana Menteri (PM), Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak diundang pada majlis tersebut.

Ia bermula apabila sebuah media ketika siaran awalnya pada pukul 6 petang tidak menyiarkan gambar Anwar sebaliknya memperlihatkan kehadiran bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad serta isteri di meja utama bersama Agong.

Hanya kerana ketiadaan gambar PM maka ia telah mencetuskan pelbagai tuduhan yang melampau sekali gus dikaitkan dengan berita palsu kononnya pemerintahan Anwar bakal berakhir tidak lama lagi.

Anwar berkata beliau dan isteri menghadiri Majlis Jamuan Teh Diraja di Istana Negara selain turut dihadiri bekas-bekas



ANWAR ketika hadir pada Majlis Jamuan Teh Diraja di Istana Negara minggu lalu.

Perdana Menteri, Menteri Kabinet, Duta-Duta Asing dan Pegawai Tertinggi Kerajaan.

"Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong turut berkenan meluangkan bersalaman dan beramah mesra bersama tetamu jemputan. Daulat Tuanku!," tulis beliau dalam satu hantaran di Facebook.

Sementara itu, Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil yang juga Jurucakap Kerajaan Perpaduan, berkata Majlis Minum

Teh dengan Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara adalah program santai di mana tetamunya boleh datang dan pergi.

"Semua dijemput, termasuk mantan-mantan PM (PM7-9) PMX hadir, balik awal untuk beberapa program lain termasuk Ponggal di Klang," kata beliau.

Terdahulu, turut hadir pada majlis tersebut Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Yang Dipertua Dewan Rakyat Tan Sri Johari

Abdul.

Sultan Johor, Sultan Ibrahim Almarhum Sultan Iskandar telah dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-17 bagi tempoh lima tahun bermula 31 Januari ini.

Wilayahku berpandangan, seharusnya sebagai masyarakat yang hidup dalam zaman teknologi yang canggih tidak perlulah terlalu mudah mempercayai dengan berita yang tiada hujung pangkal. Selidik dahulu sebelum percaya bulat-bulat. **WK**

Tiada istilah ekonomi Melayu dipinggir kerajaan

ISU ekonomi merupakan tumpuan utama Kerajaan Perpaduan yang dipimpin oleh Perdana Menteri (PM), Datuk Seri Anwar Ibrahim. Malah salah satu kayu ukur pemerintahan yang berjaya adalah menerusi sektor ekonomi.

Selepas lebih setahun mentadbir, dapat dilihat jelas PM terus mengorak langkah dengan usaha berlipat kali ganda untuk membangun ekonomi negara antaranya menerusi peluncuran kerangka Ekonomi Madani, Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) dan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030).

Namun keprihatinan beliau seakan dipandang sebelah mata sesetengah pihak apabila pelbagai tohmahan dilemparkan. Biarpun begitu PMX terus berjalan ke hadapan membuktikan kerajaan hari ini adalah kerajaan bekerja.

Terbaharu, di laman sosial bertebaran fitnah mengatakan beliau berat sebelah dengan mengutamakan ekonomi kaum Cina berbanding Melayu. Agak keterlaluan apabila ada yang menuduh kerajaan menyalah guna kuasa.

Tuduhan tidak berasas tanpa



SESI Mesyuarat Pra Majlis Ekonomi Bumiputera yang dipengerusikan Anwar.

bukti itu mengatakan banyak projek besar yang melibatkan keuntungan tinggi diberikan kepada Cina, sebaliknya projek yang kurang bernilai diberikan kepada Bumiputera khususnya orang Melayu.

Setahu Wilayahku, Anwar sentiasa cakna dan berusaha menaikkan ekonomi Bumiputera. Buktinya, baru-baru ini beliau mempengerusikan Pra Majlis Ekonomi Bumiputera.

"Mesyuarat mendengar taklimat dan menyinggung kedudukan serta cabaran semasa dan akan datang terkait pembangunan ekonomi Bumiputera. Antara lain, saya tekankan bahawa agenda Bumiputera adalah agenda nasional dan perlu sentiasa didasari tatakelola yang jelas.

"Syarikat berkaitan kerajaan (GLC) perlu terus komited memainkan peranan dalam menyokong agenda nasional ini.

Bukan itu sahaja, mesyuarat itu turut membincangkan mengenai penganjuran Kongres Ekonomi Bumiputera 2024 (KEB 2024) yang akan diadakan pada 29 Februari hingga 2 Mac 2024.

"KEB 2024 bertujuan membantu kerajaan menetapkan hala tuju dan pendekatan baharu serta penambahbaikan agenda Bumiputera yang adil, saksama dan inklusif.

"Mesyuarat turut mendengar pandangan awal yang dibentangkan oleh pengerusi-pengerusi kluster sesi libat urus yang telah ditubuhkan bagi tujuan KEB 2024. Banyak isu di lapangan dan cadangan bernas yang dilontarkan.

"Saya menyambut baik kerjasama strategik yang diwujudkan dan menekankan kepentingan penyelarasan antara kementerian dan agensi yang berkaitan dalam melaksanakan dasar-dasar kerajaan," tambahnya lagi.

Terdahulu, mesyuarat tersebut turut dihadiri timbalan-timbalan Perdana Menteri, menteri-menteri berkaitan serta beberapa ketua-ketua pegawai eksekutif GLC. **WK**

MENARIK WILAYAHKU



KUALA LUMPUR

27/1/24: Ulang tahun ke-60 Zoo Negara @ Zoo Negara

27-28/1/24: Cabaran Teh Tarik @ KL Tower

27-28/1/24: Nasi Kandar Festival @ Tower Terrace, KL Tower

28/1/24: Persembahan Wayang Kulit @ Bank Negara Malaysia

30-31/1/24: Pertunjukan kebudayaan @ Mini Auditorium MATIC

PUTRAJAYA



28/1/24: MAIWP Run @ Dataran Putrajaya

1/2/24: Majlis Perasmian Hari Wilayah Persekutuan @ Dataran Putrajaya

1-4/2/24: Putrajaya Open Day 2024

1-4/2/24: Kee Nguyen Vietnam's Finest Coffee @ Kompleks Pj

3/2/24: Pertandingan Melukis Doodle @ Dewan Seri Siantan

3-4/2/24: Senamrobik bersama Cikgu Laili @ Dataran Putrajaya

4/2/24: Pertandingan Lego @ Perbadanan Putrajaya

LABUAN



27/1/24: Labuan Berselawat bersama Profesor Ustaz Dr Hj Abdul Somad @ Dataran Labuan

28/1 - 30/6/24: Labuan Diving Festival 2.0

4/2/24: Futsal Tournament V12 (Girls) @ Gelanggang Futsal, Kompleks Sukan Labuan

Tan Kok Wai terus dipercayai warga Cheras

SYED HAZIQUE

AHLI Parlimen Cheras mewakili Parti Tindakan Demokratik (DAP), Tan Kok Wai merupakan seorang pemimpin berjiwa rakyat yang sanggup menolong golongan kurang berkemampuan tanpa mengira masa, bangsa mahupun agama.

Segala permasalahan ditangani dengan tenang walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran yang berliku menjadikan beliau antara Ahli Parlimen yang sentiasa mendengar dan dekat di hati rakyat.

Baru-baru ini *Wilayahku* berpeluang mendengar pengalaman figura hebat ini sepanjang tempoh perkhidmatannya bagi sembilan penggal.

Apa yang boleh YB kupaskan sepanjang perkhidmatan sebagai Ahli Parlimen Cheras?

Sebagai seorang Ahli Parlimen, ia adalah satu amanah atau tanggungjawab yang sangat berat untuk digalas. Banyak perkara yang perlu ditangani terutamanya dalam membantu rakyat bagi kelangsungan hidup.

Orang ramai ingat jadi seorang YB ini adalah satu perkara yang glamor, goyang kaki, tapi hakikatnya pula adalah sebaliknya, ia bukan seindah yang disangka, jiwa mesti kental, tenaga juga perlu semaksima mungkin dalam



memberikan perkhidmatan yang terbaik dan berkesan.

Apakah cabaran yang dihadapi sepanjang bergelar Ahli Parlimen Cheras?

Tidak mungkin tiada masalah, bila adanya masalah adalah cabaran yang perlu dilalui bagi menyelesaikan segala isu-isu yang berbangkit lebih-lebih lagi di kawasan ibu kota ini.

Antara masalah utama di kawasan ini ialah kepadatan penduduk, kesesakan lalu lintas, pembangunan yang tidak terkawal, kekurangan ruang parkir, penaja yang tidak teratur serta masalah gelandangan. Semua ini adalah masalah utama yang perlu diidepani.

Apakah pelan tindakan yang diambil oleh pihak YB?

Sudah tentunya kami ada banyak perancangan jangka panjang dan jangka pendek. Contohnya, di kawasan Cheras terkenal dengan kesesakan lalu lintas yang sangat teruk, justeru itu, saya bekerjasama dengan kerajaan dan agensi-agensi berkaitan bagi mengurangkan aliran kesesakan yang berlaku.

Selain itu, suka untuk saya katakan, setakat ini, antara

pilihan terbaik ialah penggunaan pengangkutan awam. Selain dapat menjimatkan perbelanjaan seperti petrol, kos perbaiki kenderaan, tol dan pelbagai lagi.

Masalah penaja antara isu yang saban hari terjadi, apakah gerak kerja yang telah dilaksanakan YB?

Masalah ini boleh kata terjadi di semua tempat, terutamanya lokasi tengah bandar Kuala Lumpur. Setakat hari ini, kita bergerak bersama pihak berkuasa tempatan (PBT) mencari solusi seperti penempatan gerai tetap bagi mengelakkan masalah penaja kaki lima. Daripada situ juga masalah lalu lintas dapat diatasi.

Malah jika tidak dibendung masalah ia boleh menimbulkan barah seperti penaja warga asing. Justeru itu, tindakan pantas serta perancangan jangka pendek dan panjang adalah amat perlu.

Kawasan di sekitar Kuala Lumpur juga sering kali berdepan masalah banjir, bagaimana YB mengatasi masalah tersebut?

Tidak dinafikan, banyak kejadian banjir yang berlaku di sekitar kawasan ibu kota, malah tidak terkecuali juga di sekitar Parlimen Cheras ini.

Sebagai contoh ada satu sekolah di kawasan Jalan Peel yang dinaiki air, saya dan pasukan membantu daripada segi kebersihan, keperluan seperti meja dan kerusi, dan sebagainya.

Situasi banjir ini memang sesuatu yang sukar

untuk dijangka, namun, kerajaan menerusi pasukan keselamatan sering berada di kawasan *hot spot* untuk mencegah keadaan menjadi lebih parah.

Mengapa masalah setinggan menjadi antara cabaran utama YB sepanjang perkhidmatan di sini?

Dahulu di ibu kota dan di tempat pinggiran kita, memang banyak kawasan-kawasan setinggan dibangunkan. Antara jalan penyelesaian yang telah dilaksanakan seperti penyediaan perumahan kos rendah bagi membantu mereka.

Ia bukan satu kerja mudah untuk dilakukan tetapi saya bersama pasukan dan kerajaan terus berusaha membasmi perumahan setinggan yang masih wujud.

Apakah sumbangan atau bantuan yang dapat YB ceritakan sepanjang perkhidmatan di sini?

Keutamaan saya adalah menyelesaikan kelangsungan hidup bagi penduduk di kawasan Parlimen Cheras ini, di pejabat juga saya amalkan konsep terbuka, sesiapa sahaja khususnya penduduk kawasan Cheras boleh datang berkongsi masalah kepada saya.

Saya boleh katakan, hampir setiap hari, kira-kira 30 orang akan datang ke pejabat saya, dan menceritakan masalah mereka. Antaranya masalah barangan keperluan, hilang punca pendapatan, jalan berlubang dan pelbagai rintihan rakyat. Di pering-

kat sekolah sahaja, boleh saya katakan, kira-kira 30 buah sekolah rendah termasuk menengah menerima bantuan dari pelbagai segi termasuk wang ringgit yang berjumlah RM30,000. Malah, itu mengikut kepada peruntukan yang disediakan kerajaan. Jika mereka masih lagi memerlukan dana atau barangan keperluan, saya tidak teragak-agak untuk membantu.

Saya dan pasukan akan terus memberikan perkhidmatan yang terbaik dan berkesan dalam mencari solusi membantu mereka.

Apakah perancangan masa hadapan YB terhadap penduduk Parlimen Cheras?

Secara hakikatnya memang banyak perancangan yang telah diatur serta gerak kerja yang telah dilaksanakan dalam usaha bagi membantu kelangsungan hidup penduduk kawasan ini.


Kerajaan juga banyak membantu golongan yang kurang berkemampuan dan tidak meminggirkan nasib mereka. Justeru itu, saya merasakan adalah tanggungjawab saya untuk terus memberikan khidmat bakti yang paling terbaik dan berkesan untuk seluruh penduduk kawasan Ahli Parlimen Cheras ini.

Kepentingan penduduk dilihat sebagai keutamaan YB sepanjang perkhidmatan, apa yang YB dapat simpulkan demi terus menjaga kesejahteraan dan keharmonian yang terjalin sehingga ke hari ini?

Tanpa sokongan penduduk tiadalah saya di sini, oleh kerana itu, penyelesaian, kepercayaan mereka adalah keutamaan. Saya bersama rakan-rakan lain amat bersyukur dengan hubungan baik yang terjalin ini.

Namun, banyak lagi yang boleh diperbaiki daripada pelbagai segi, saya tidak mahu merasa selesa dan percayalah selagi saya di tampuk kepimpinan ini maka kesemua pasukan akan terus memberikan khidmat yang terbaik.

Segala isu yang berbangkit akan diselesaikan dan mencari solusi bagi semua pihak. Tanpa sokongan serta kepercayaan rakyat di sisi siapalah kami di sini. **WK**



IMBAS YOUTUBE
WILAYAHKU

26 penjaja dipindah lokasi

Nafas baharu buat peniaga sedia ada

HAZIRAH HALIM

PENIAGA sedia ada di Medan Selera Singgang Madani @ Batu Bata berharap suasana sepi yang menyelubungi lokasi itu akan disinari impak positif melalui pemindahan 26 penjaja daripada lokasi tapak gerai singgang yang dirobohkan di Jalan Dewan Sultan Sulaiman 1, Kampung Baru.

Menurut salah seorang peniaga yang sudah berniaga hampir 13 tahun di medan selera itu, **Sumiati Sianturi**, 60, lokasi tersebut kurang dikunjungi pelanggan dan lebih sunyi selepas pandemik COVID-19.

“Sebelum pandemik, medan selera ini dikunjungi ramai pengunjung tetapi selepas itu ia semakin berkurang sehinggalah hanya lima unit kedai sahaja yang dibuka daripada 40 unit yang terdapat di kawasan tersebut.

“Kalau ramai datang pun jika ada pertandingan karaoke atau sebarang majlis. Ekoran keadaan

itu, saya hanya memperoleh pendapatan kira-kira RM300 sehari berbanding dahulu boleh mencecah RM800.

“Kawasan ini berdekatan dengan stesen bas dan tempat pekerjaan namun ia masih kurang mendapat sambutan, kalau ada pun pelanggan biasa sahajalah,” katanya.

Justeru itu, Sumiati mencadangkan agar pihak berkuasa tempatan (PBT) dapat membuka kaunter tiket bas di kawasan medan selera ini sebagai langkah untuk menarik kehadiran pelanggan memandangkan ia berhampiran dengan Hab Bas Titiwangsa.

“Sekurang-kurangnya ia dapat menarik orang ramai untuk berkunjung dan menjamu selera di medan selera ini selepas membeli tiket dan sementara menunggu bas yang dinanti tiba.

“Dalam masa yang sama, isu utama di lokasi ini adalah masalah tiada parkir khusus untuk peniaga mahupun pelanggan. Jadi saya berharap



MEDAN Selera Singgang Madani @ Batu Bata, Titiwangsa selesa, luas dan bersih.

pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) khususnya membantu menyelesaikan masalah ini,” jelasnya.

Sementara itu, **Mawarni Mohd Kamel**, 39, memuji tindakan DBKL mencari dan menyediakan ruang niaga baharu buat penjaja gerai singgang bagi meneruskan operasi perniagaan.

“Sebahagian peniaga telah pun memasukkan barang mereka ke dalam kedai namun ada sebilangan

yang masih belum,” ujarnya.

Ditanya mengenai fasiliti yang terdapat di Medan Selera Singgang Madani @ Batu Bata, Mawarni berkata suasana persekitarannya adalah lebih kondusif, bersih dan teratur.

“Alhamdulillah syukur, kemudahan di sini semua lengkap, ada surau, tandas selain kawasannya bersih dan meja pun teratur,” katanya.

Terdahulu, pada Isnin (22

Januari), seawal pukul 9 pagi, DBKL telah melaksanakan kerja-kerja meroboh deretan gerai setelah mengeluarkan notis permakluman pengosongan tapak itu sejak Oktober lalu.

Medan Selera Singgang Madani @ Batu Bata, Titiwangsa sebelum ini dikenali sebagai Medan Selera Damai namun ia ditukar sejajar dengan lokasi tersebut yang terkenal dalam kalangan peminat ikan singgang di Kuala Lumpur. **WK**

Raikan dua program tahunan DBKL sepanjang tahun

BERBAKI dua hari sahaja lagi, dua program tahunan sepanjang tahun 2024 anjuran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) iaitu Program Temu DBKL dan Teh Hijau Kuala Lumpur akan diadakan.

Bertempat di Perkarangan Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur dengan bertemakan 'Dari DBKL untuk Komuniti', kedua-dua program yang akan berlangsung pada 27 Januari (Sabtu) ini bakal dilancarkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa.

DBKL dalam satu kenyataan memaklumkan kedua-dua program tersebut akan dijalankan setiap bulan melibatkan 11 kawasan Parlimen di Kuala Lumpur secara bergilir-gilir.

“Program Teh Hijau Kuala Lumpur yang berkonsepkan hijau rendah karbon akan diadakan setiap bulan iaitu pada hari Sabtu mengikut tarikh-tarikh yang akan dimaklumkan dari semasa ke semasa. Lokasi bagi program ini adalah sama pada setiap bulan iaitu di Perkarangan Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur, Bandar Tun Razak.

“Bagi Program Temu DBKL pula, ia akan diadakan pada setiap bulan di lokasi-lokasi yang berbeza di 11 kawasan Parlimen Kuala Lumpur pada hari Sabtu mengikut tarikh, masa dan tempat yang akan dimaklumkan kelak,” jelas kenyataan itu.

Menurut DBKL, program ini mendapat kerjasama daripada beberapa rakan strategik seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN); Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan

(FAMA); Radio Televisyen Malaysia; Jabatan Perangkaan Malaysia, YWP Media Sdn Bhd (Wilayahku) dan Persatuan Bola Sepak Kuala Lumpur (KLFA).

Tambahnya, selain menyediakan reruai jabatan-jabatan DBKL yang memberi informasi serta perkhidmatan lebih lanjut kepada pengunjung, kedua-dua program ini juga bakal menyajikan pelbagai pengisian menarik seperti sukan dan kebudayaan, Pusat Khidmat Ahli Parlimen/Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) dan aktiviti kanak-kanak.

“Selain itu, Jualan Rahmah oleh KPDN dan FAMA termasuk pemberian cenderamata menarik dan cabutan bertuah,” katanya pengunjung yang datang lebih awal turut akan diberi cenderahati.

DBKL menyasarkan program ini akan dapat meningkatkan pengetahuan dan pemahaman warga kota mengenai produk dan perkhidmatan yang disediakan secara lebih meluas.

“Ia bertujuan untuk meningkatkan reputasi dan kepercayaan warga kota terhadap DBKL melalui penyediaan perkhidmatan secara terus dan bersasar kepada komuniti setempat,” jelasnya ini merupakan usaha DBKL menjenamakan semula program berasaskan komuniti serta meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada warga kota.

Justeru itu, DBKL menjemput seluruh warga kota hadir memeriahkan Program Temu DBKL dan Teh Hijau Kuala Lumpur yang akan berlangsung pada 27 Januari ini bermula pukul 9 pagi hingga 5 petang. **WK**

Temu DBKL

TEH HIJAU KUALA LUMPUR

TARIKH
JAN 2024
27

MASA
9.00pagi -
6.00petang

TEMPAT
Stadium Bolasepak, Cheras
Kuala Lumpur

PAMERAN PERKHIDMATAN

JUALAN RAHMAH

KLINIK BOLA

STREET SOCCER

JUALAN AGRO MADANI

PROGRAM JUALAN KITIR SEMULA ICIR

KEBUN KEIRANAN BANDAR LA21



MAHATHIR (tengah) ketika perhimpunan di depan Istana Negara Selasa lalu.

Siapa dalang sebenar perhimpunan 23 Januari?

ZULKIFLI SULONG

SIAPAKAH sebenarnya yang menjadi dalang perhimpunan di depan Istana Negara pada Selasa 23 Januari lalu kini menarik perhatian banyak pihak.

Ini kerana, perhimpunan itu diadakan sehari selepas Tun Dr Mahathir Mohamad menghamburkan serangan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim kerana marah anak-anaknya disiasat oleh pihak berkuasa.

Dan yang menariknya, walaupun dikerahkan semua pemimpin terutama ahli Parlimen dari pembangkang hadir, tetapi kelihatan jelas hanya Mahathir yang memimpin perhimpunan itu tanpa sokongan pemimpin pembangkang yang lain.

Padahal tersebar memo Setiausaha Agung PAS, Datuk Seri Takiyuddin Hassan yang mengarahkan seluruh kepimpinan khasnya ahli Parlimen PAS hadir ke majlis itu. Kenapa Takiyuddin sendiri tidak hadir kini menjadi persoalan.

Memo bertarikh 21 Januari itu jelas mengarahkan semua Setiausaha Perhubungan PAS negeri-negeri dan Setiausaha Dewan-Dewan PAS agar mereka menggerakkan penyokong dan orang bawah masing-masing agar menyokong perhimpunan itu.

Ia diperincikan lagi oleh surat Setiausaha Badan Perhubungan Pas Kelantan pada keesokan harinya iaitu pada 22 Januari yang mengarahkan agar semua ahli badan perhubungan PAS negeri, semua ahli Parlimen, ahli Dewan Negara dan ahli Dewan Negeri Kelantan hadir ke perhimpunan itu.

Namun bukan sahaja ahli-ahli Parlimen, ahli Dewan Negara dan ahli Dewan Negeri dari PAS tidak hadir, kelibat Takiyuddin Hassan yang mengeluarkan arahan itu juga tidak kelihatan.

Apa sebenarnya yang berlaku ini?

Yang menarik juga, menurut Badrul Hisham Shahrin, Yang

di-Pertuan Agong sendiri telah bersetuju menerima memorandum itu.

Namun, sehari sebelum perhimpunan itu berlangsung, pegawai dari Istana Negara telah membuat laporan polis bahawa dakwaan itu tidak benar.

Menurut laporan polis yang dibuat di Balai Polis Travers itu, Chegu Bard mendakwa, terdapat tiga wakil dari parti Perikatan Nasional (PN) telah dipanggil menghadap Yang di-Pertuan Agong ke Istana Negara pada 23 Januari pukul 10 pagi.

"Saya selaku wakil dari Istana Negara, Kuala Lumpur menafikan dakwaan oleh lelaki tersebut dan ia merupakan satu kenyataan yang tidak tepat," kata laporan polis dari Pegawai Perhubungan Akhbar, Istana Negara itu.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Allaudeen Abdul Majid mengesahkan pihaknya menerima laporan berkaitan dakwaan oleh Chegu Bard bahawa tiga wakil Perikatan Nasional (PN) telah dipanggil menghadap Yang di-Pertuan Agong.

Harakahdaily, lidah rasmi PAS sendiri mengaku, pemimpin utama yang hadir ke perhimpunan ini hanya Tun Mahathir sahaja.

Jadi, kalau tidak ada pemimpin PN yang hadir, tidak ada pemimpin PAS yang hadir, siapa sebenarnya yang menganjur dan menggerakkan perhimpunan ini.

Bagi netizen, perhimpunan ini digerakkan oleh Tun Mahathir sahaja selepas marah apabila anak-anak serta kunci-kuncunya disiasat oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Sebab itu maklumat tentang perhimpunan ini datangnya daripada 'cybertroopers' upahan ini sahaja. Tiada pemimpin PN, tiada pemimpin PAS, tiada MP PN atau PAS, tiada ADUN PN atau PAS.

Yang ada hanyalah walaun yang tertipu dengan janji-janji manis bahawa kerajaan akan bertukar sahaja.


Mereka datang dari jauh selepas menerima kerahan tetapi orang

yang membuat kerahan itu sendiri tidak nampak batang hidungnya. Yang nampak hanya batang hidung besar yang sedang marah apabila anak-anaknya diganggu oleh SPRM.

Apabila saya bertanya kepada kawan-kawan di dalam UMNO, apa yang sebenarnya sedang berlaku.

Mereka menegaskan, ini semua karenah Tun Mahathir. Semua sedar apa yang dibuat oleh beliau ketika menjadi PM dahulu, namun tidak ada yang berani menyentuh beliau.

Hanya setelah Anwar menjadi Perdana Menteri, pihak berkuasa diberikan kebebasan sepenuhnya untuk membuat siasatan khasnya ke atas dua kertas yang disebarnya, Kertas Panama dan Kertas Pandora.



Kaulah Barry Wain, wartawan Asian Wall Street Journal yang menulis buku *Malaysian Maverick* yang pernah dilarang daripada diedarkan sebelum ini, masih hidup saya berhajat benar mahu mewawancara wartawan dan penulis ini.

Saya ingin tahu, benarkah RM300 bilion wang negara habis kerana karenah ini dan kenapa buku beliau diharamkan.

PENULIS adalah bekas wartawan Harakah.



Surah panjang solat Subuh

BARU-BARU ini tersiar kisah mengenai imam yang dikatakan membaca surah panjang ketika solat Subuh berjemaah di masjid sehingga menimbulkan kerisauan kepada para jemaah. Dakwa mereka, membaca surah panjang menyebabkan solat Subuh lewat selesai.

Apabila lewat selesai akan mendatangkan masalah kepada jemaah yang bekerja. Mereka perlu bergegas ke tempat kerja. Tambah lagi, ketika ini masuk waktu solat Subuh agak lewat. Azan bergema dalam pukul 6.15 pagi.

Solat mungkin selesai dalam 15 minit. Tetapi jika imam membaca surah panjang, ia mungkin selesai lepas pukul 6.30 pagi. Inilah yang merisaukan jemaah kerana selepas waktu tersebut jalan raya sudah sesak. Risikonya, lewat sampai ke tempat kerja.

Umum sedar kesesakan di ibu kota bertali arus, terutama pada waktu puncak. Semua jalan dipenuhi kenderaan. Masing-

masing hendak cepat sampai ke destinasi. Sebenarnya seawal pukul enam pagi kenderaan sudah mula banyak di jalan.

Kawan-kawan Kedai Kopi faham ramai yang ingin solat berjemaah Subuh, khususnya dalam menyahut seruan 'solat Subuh seperti solat Jumaat'. Mereka seboleh-bolehnya mahu turut serta menjadi antara yang memenuhi masjid dan surau setiap waktu Subuh.

Sebenarnya memang ada imam 'terbiasa' membaca surah panjang. Bukan sahaja pada waktu Subuh, waktu Magrib dan Isyak pun ada yang sedemikian. Imam sepatutnya memahami kedudukan makmum kerana ramai antaranya warga emas.

Kerana itu pada pandangan kawan-kawan Kedai Kopi, perlu wujud suasana menang-menang. Jemaah wajar digalakkan datang ke masjid, tetapi pastikan mereka selesai dan seronok solat. Imam perlu memahami keperluan dan kehendak jemaah.

'Pemutihan' Lorong Haji Taib

LORONG Haji Taib di Chow Kit, Kuala Lumpur, khabarnya kini sudah berubah wajah. Daripada kawasan 'hitam' yang juga dikenali 'Belakang Mati', ia bertukar menjadi kawasan bersih atau hampir bersih sepenuhnya.

Memetik Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Allaudeen Abdul Majid, yang melakukan tinjauan di kawasan berkenaan baru-baru ini, kawasan berkenaan jauh lebih 'bersih' dibandingkan dengan 20 tahun lalu.

Kawan-kawan Kedai Kopi percaya ramai warga ibu kota, terutama generasi tahun 60-an hingga 80-an, tahu mengenai kisah 'Belakang Mati'. Ia merupakan kawasan yang dikaitkan dengan pelbagai kegiatan tidak bermoral seperti pelacuran, perjudian, dadah serta gangsterisme.

Kerana itu kawasan berkenaan disifatkan sebagai lokasi yang ditakuti oleh orang ramai. Sedaya upaya mereka mahu menjauhkan diri, terutama pada waktu malam. Hanya yang 'ada urusan' tertentu sahaja akan memenuhi kawasan itu.

Perubahan yang berlaku demi mengikis imej kawasan hitam itu sangat dialu-alukan. Ia dilihat sebagai usaha membersihkan nama Lorong Haji Taib yang dilihat tercemar kerana pelbagai kegiatan tidak bermoral.

Haji Taib yang diabadikan namanya pada jalan berkenaan

ialah seorang individu yang dihormati dan tokoh perniagaan berjaya di Kuala Lumpur yang ketika itu dalam negeri Selangor. Beliau mempunyai perniagaan besar dan memiliki banyak hartanah serta lombong bijih. Kerana itu sangat sesuai namanya diabadikan.

Justeru langkah 'membersihkan' Lorong Haji Taib tindakan wajar demi mengembalikan kegemilangan serta nama baik Haji Taib. Kegiatan tidak bermoral sudah berjaya dikurangkan atas usaha pihak berkuasa.

'Belakang Mati' kini sibuk dengan pelbagai kegiatan bermanfaat, terutama perniagaan barangan sama ada runcit atau borong, termasuk pakaian, pelbagai aksesori untuk keluarga serta kegunaan peribadi.



IMBAS FACEBOOK
WILAYAHKU

KL sebuah padang hijau



KU SEMAN KU HUSSAIN

KUALA Lumpur itu adalah padang yang hijau, tempat perantau memulakan penghidupan. Demikianlah antara gambaran yang diberikan oleh sesetengah orang tentang Kuala Lumpur yang asalnya lombong bijih timah ketika awal abad ke-19.

Dari utara hingga selatan, dari pantai barat hingga pantai timur, banyak dalam kalangan perantau memilih Kuala Lumpur sebagai tempat untuk mengubah hidup. Salah satunya kerana menghamparkan banyak peluang pekerjaan selain boleh menggilap bakat.

Banyak perantau yang dulunya berhempas pulas untuk 'sekadar cari makan' kini menikmati kejayaan selepas merentas fasa yang menyulitkan, mencipta nama daripada yang bukan 'siapa-siapa' kepada tokoh dalam bidang tertentu.

Sekalipun begitu, di sebalik padang yang hijau, Kuala Lumpur juga bukan mudah untuk dimesrai. Ia penuh dengan cabaran dan budaya hidupnya sangat mempengaruhi mereka yang rendah jati diri. Arus budaya hidup di persekitaran sangat kuat dan mudah melembaskan, sekali gus menghanyutkan.

Hanya yang meminjam sifat ikan hidup – tidak mudah dihanyutkan arus sahaja yang berjaya. Makna berjaya itu bukan sahaja daripada sudut kebendaan, tetapi juga mengekalkan nilai-nilai hidup yang tidak melanggar garis agama dan budaya.

Sebagai sebuah kota yang bertaraf metropolitan, Kuala Lumpur sememangnya penuh dengan kebendaan. Manusia kerap diukur akan keberadaan mereka dalam kelompok berstatus sosialnya tinggi dan ternama. Hal-hal yang bersifat benda kerap dijadikan pemberat dalam setiap timbangan.



LANDSKAP taman di tengah Kuala Lumpur mendamaikan. - Gambar hiasan

Pada 2 Januari lalu genap 40 tahun saya menjadi sebahagian daripada warga Kuala Lumpur. Malah sepanjang garis masa itu jugalah saya bergelung dalam kewartawanan yang menjadi satu kerjaya yang sangat mencabar di bandar raya ini.

Sebagai wartawan, Kuala Lumpur sebenarnya suatu tempat yang sangat mengilhamkan. Banyak kisah yang melintas di depan mata boleh diangkat sebagai karya kewartawanan. Kisah manusianya pula yang penuh warna memancarkan iktibar dan suri teladan dalam meneruskan kehidupan.

Kewartawanan tentunya bukan sahaja memetik ujaran-ujaran pemimpin termasuk yang diulang-ulang atau menjadi pendokong

hayat politiknya secara tidak sedar, malah dapat menangkap perihai longkang tersumbat dan manusianya yang berbagai-bagai takdir hidupnya.

Wartawan diberi kelebihan melihat hal-hal yang terlindung daripada pandangan biasa, mempersoalkan itu dan ini tentang manusia dan menghamparkan kepada masyarakat. Kehidupan orang lain adalah cermin yang boleh dilihat sudut baik dan buruknya.

Jangka masa 40 tahun bukan suatu yang singkat dan sepanjang masa itu saya berpeluang melihat perubahan sosial dan prasarana yang berlaku di Kuala Lumpur. Ia merupakan suatu sangat dinamik. Sebagai sebuah ibu kota, Kuala Lumpur sentiasa terdedah dengan perubahan dan peredaran zaman.

Di sebalik hal-hal yang bersifat kebendaan, Kuala Lumpur juga tidak menyisihkan diri daripada berperanan sebagai sebuah kota yang mengangkat gagasan peradaban. Digerakkan sebagai sebuah kota yang mendokong tradisi ilmu dan keilmuan di tahap yang tinggi.

Beberapa institusi pendidikan tinggi yang berada di Kuala Lumpur dan kawasan di sekitarnya di Lembah Klang menyumbang pada pembangunan peradaban dan keilmuan. Semua itu telah menjulang nama ibu kota ini dalam mengimbangkan antara tuntutan pembangunan prasarana dan

kemanusiaan.

Misalnya Universiti Malaya, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) di Gombak yang bersempadankan Kuala Lumpur, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang idea asalnya gagasan ilmuwan dan negarawan di Bangi sejak lebih setengah abad lalu.

Tidak patut dilupakan adalah Universiti Putra Malaysia (dulunya Universiti Pertanian Malaysia) di Serdang bersempadan Kuala Lumpur yang mendokong gagasan memodenkan industri pertanian. Hingga kini pertanian tetap menjadi teras Universiti Putra Malaysia.

SAMBUTAN JUBLI EMAS KL

SEBUAH ibu kota yang ada cita-cita peradaban dan keilmuan, tentunya ukuran tidak sahaja pada menjulangnya bangunan pencakar awan, akan tetapi iltizam dalam pembangunan hal-hal yang berkaitan manusia dan kemanusiaan.

Kuala Lumpur merupakan pusat perdagangan dan ekonomi utama negara dan menjadi tuan rumah kepada banyak konglomerat, dalam dan luar negara. Hal ini menjadikan Kuala Lumpur penyumbang terbesar pada ekonomi negara.

Di sebalik semua itu, Kuala Lumpur terus berusaha untuk menjadi sebuah taman nurani dan mengimbangi antara kerakusan

kebendaan dengan ketinggian dalam hal-hal yang menyentuh nurani manusia. Kalau dulu Kuala Lumpur terkenal dengan perkampungan setinggan, kini diganti dengan Projek Perumahan Rakyat (PPR).

Dengan kadar sewa atau sewa beli yang rendah, PPR memberikan keselesaan dan kemudahan sosial yang jauh lebih baik berbanding rumah setinggan. Kini perkampungan setinggan sudah tidak ada di Kuala Lumpur dan pembangunan tempat kediaman kelihatan lebih tersusun.

Maknanya golongan yang kurang berkemampuan juga berpeluang mendiami Kuala Lumpur yang dekat dengan tempat kerja – di sektor awam atau swasta.

Kuala Lumpur dinaikkan taraf menjadi bandar raya pada 1972, dua tahun kemudian iaitu pada 1 Februari 1974 pula menjadi Wilayah Persekutuan di bawah pentadbiran Kerajaan Persekutuan. Kini Wilayah Persekutuan telah diperluaskan pada dua wilayah lagi – Labuan dan Putrajaya.

Daripada sudut geografinya Kuala Lumpur umpama pulau di tengah-tengah negeri Selangor dan merupakan sebuah wilayah yang tidak mempunyai kawasan perairan. Dibelah oleh dua sungai yang dulunya menjadi laluan air yang penting untuk membawa bijih timah – Sungai Gombak dan Sungai Kelang.

Sempena ulang tahun ke-50 menjadi Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur diharap terus lestari sebagai kota metropolitan yang mesra dengan penghuninya. Maknanya pembangunan prasarana perlu ada sempadan tertentu supaya Kuala Lumpur boleh 'bernafas' dan tidak sesak dengan bangunan yang tumbuh umpama rebung – terlalu pantas.

Kawasan hijau di tengah-tengah bandar raya bukan sahaja perlu dilestari bahkan ditambah supaya hasrat untuk menjadi Kuala Lumpur sebagai kota dalam taman tercapai dengan jayanya.

Setakat ini di sebalik kesibukannya, Kuala Lumpur memang menjanjikan ketenangan. Landskap taman di tengah kotanya mendamaikan selain terus menjadi lorong rezeki.

RAGAM KOTA

F#minor



Sebarang maklumat berhubung **Editorial Wilayahku**, sila hubungi alamat tertera: **Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.**
Te: 03-8861 5260 | E-mail: editorialwilayahku@gmail.com



IMBAS TIKTOK
WILAYAHKU



WK2

Bil 247 . 26 JANUARI - 1 FEBRUARI 2024

MEDIA WARGA KOTA
WILAYAHKU

Harimau Malaya: The Untold Journey

Keringat menitis atas rumput



Pandangan 4 perspektif

DIANA AMIR

Foto/Video: **AMIN FARJ HASAN**

SELEPAS kejayaan luar biasa *Ola Bola* pada 2016, satu lagi filem genre sejarah sukan iaitu *Harimau Malaya: The Untold Journey* bakal menemui penonton di layar perak pada tahun 2024.

Filem terbitan 4Ward Pictures Sdn Bhd ini berkisar tentang perjalanan *Harimau Malaya* untuk layak ke Piala Asia 2023.

Penerbit Eksekutif, **Nashrul Nasir** berkata naskhah tersebut memaparkan empat perspektif berbeza dari segi pihak pengurusan iaitu Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM), pemain, keluarga dan juga penyokong atau Ultras Malaya.

"Sebagai peminat tegar bola sepak, kita boleh saksikan bahawa prestasi skuad negara semakin baik dan berada di landasan yang tepat dalam mencapai lebih banyak kejayaan pada masa akan datang terutama selepas pelantikan jurulatih, Kim Pan Gon.

"Justeru itu, saya merasakan sekarang merupakan masa terbaik untuk menghasilkan filem sebegini. Ia diinspirasi daripada kisah benar dan 40 peratus

daripadanya adalah fiksyen yang diselitkan dengan elemen drama di mana menerusi jalan cerita ini ia dapat menyatupadukan lagi seluruh rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum," kongsi beliau.

Nashrul berkata filem ini juga diharapkan dapat menyuntik rasa bangga kepada seluruh rakyat Malaysia apabila buat pertama kali dalam 40 tahun, Malaysia layak secara merit ke pentas akhir Piala Asia.

"Kita fokuskan mengenai susah payah para pemain, jurulatih, pihak pengurusan dan pengorbanan yang dilakukan penyokong. Itu merupakan teras utama bagi Filem *Harimau Malaya: The Untold Journey*.

"Jika filem *Ola Bola* berdasarkan sejarah lepas namun kisah yang kita angkat pada kali ini adalah keadaan masa kini dan ke mana hala tuju kita pada masa depan. Ia satu perspektif berlainan dan saya yakin penonton di luar sana juga ingin tahu.

"Tambahan pula kita dibarisi dengan pelakon-pelakon yang boleh dikategorikan sebagai kelas A sekali gus memaparkan kisah di sebalik tabir kehidupan sebagai pemain bola. Sukan ini bukan hanya mengenai individu tapi ia juga melibatkan semua pihak termasuk pengurusan dan penyokong," ujarnya naskhah tersebut seimbang dan memaparkan perspektif daripada semua pihak.

Tambahnya, sehingga kini kira-kira RM5 juta diperuntukkan bagi menyiapkan projek tersebut tidak termasuk kos-kos pemasaran.

Berkongsi pengalaman pahit manis sepanjang penggambaran, Nashrul berkata setiap filem mempunyai cabarannya tersendiri dan meskipun baharu dalam industri ini namun beliau sudah memahami proses tersebut.

"Ia bukanlah pengalaman pahit tetapi memandangkan musim hujan jadi ada hari yang kita perlu tunggu sehingga keadaan reda baru boleh sambung penggambaran.

"Bila jadual berubah, pelakon dan tim terpaksa menunggu jadual baharu pula untuk penggambaran namun itulah sebahagian daripada proses dugaan dalam pembuatan filem.

"Puji wajar diberikan kepada seluruh pelakon dan tim produksi yang terlibat kerana komitmen yang ditunjukkan sangat luar biasa mungkin mereka juga faham karya kali ini membabitkan negara jadi mereka sedaya upaya memberikan yang terbaik," ujarnya yang juga merupakan Ketua Pegawai Eksekutif 4ward Pictures.

Beliau amat mengharapkan agar *Harimau Malaya: The Untold Journey* mendapat sokongan luar biasa daripada seluruh rakyat Malaysia.

"Apa yang utama semoga filem ini dapat memberi kesan mendalam buat mereka yang menonton seterusnya menyuntik rasa bangga akan pasukan bola sepak negara.

"Semestinya impian setiap penerbit dan pengarah filem ini berjaya mencatat kutipan pecah panggung namun seperti yang saya tekankan naskhah ini lebih kepada menanam rasa sayang terhadap negara serta dalam masa yang sama untuk peminat bola sepak menyaksikan sendiri jerih perih yang dilalui *Harimau Malaya* dalam mencapai ranking terbaik seperti hari ini," jelasnya.

HARGAI KARYA TEMPATAN

ISU karya tempatan sukar menembusi pasaran antarabangsa adalah perkara yang sering menjadi persoalan dan dibahas, namun bagi Nashrul, beberapa faktor perlu dilihat terlebih dahulu sebelum ia dibandingkan.

"Sebagai contoh di Indonesia apa yang saya nampak mereka sangat

menghargai dan melindungi produk tempatan dan ia bukan bermakna di Malaysia tidak bangga dengan karya yang dihasilkan cuma mungkin kita kurang hargai.

"Tambahan pula jumlah penduduk di Indonesia adalah 10 kali ganda lebih ramai di mana semestinya bajet yang diperuntukkan adalah lebih besar. Selain itu, dari segi tenaga kerja juga mereka tidak mempunyai masalah jadi untuk bandingkan dua negara ini begitu sahaja adalah tidak adil.

"Apa yang kita boleh lakukan adalah dengan menjadi lebih cekap bukan sahaja dari segi jalan cerita malah kos produksi juga. Setiap produksi perlu

bijak dalam memastikan penggambaran masih di dalam bajet," ujarnya.

Turut mempunyai produksi bersama rakan kongsi negara tersebut, Nashrul berkata kos pembikinan filem di negara

seberang lebih rendah namun masih mengekalkan kualiti yang sama.

"Kita juga perlu bergerak seperti itu. Tidak dinafikan Malaysia mempunyai pengaruh dan penulis skrip yang sangat hebat malahan pelakon juga berbakat. Sebagai contoh, pelakon kita mampu mencipta nama di Indonesia namun untuk pasaran filem, masih sukar untuk ditembusi mungkin kerana semangat kenegaraan dan perasaan menyokong produk lokal itu sangat kuat dalam kalangan rakyat di sana," jelas beliau berharap rakyat Malaysia lebih menghargai karya anak tempatan. **Wk**



SEKITAR penggambaran *Harimau Malaya: The Untold Journey*.

NASHRUL

PERCUMA UNTUK YANG CELIK HATI



Dapatkan juga versi e-paper Wilayahku di www.wilayahku.com.my



TERDAPAT pelbagai koleksi buku yang boleh didapati di Book Xcess.



SEORANG kanak-kanak sedang membaca buku pilihannya.



Santapan ulat buku

SHUAIB AYOB

BERDASARKAN rekod yang dicatatkan Indeks Skor Budaya Sedunia (WCSI), negara India berada di kedudukan pertama dunia yang menyaksikan masyarakatnya paling banyak membaca. Percaya atau tidak, mereka sanggup menghabiskan masa lebih 10 jam seminggu untuk aktiviti membaca.

Di Malaysia pula, pelbagai aktiviti dan program dirangka untuk mewujudkan budaya membaca dalam kalangan rakyat di negara ini kerana bangsa yang membaca adalah bangsa yang berjaya.

Lewat beberapa tahun kebelakangan ini dapat dilihat dengan jelas kedai-kedai buku besar di negara ini seperti cendawan tumbuh selepas hujan. Dalam masa yang sama, ia menunjukkan sambutan yang diterima amat menggalakkan terhadap budaya membaca ini.

Salah satu lokasi tumpuan ulat buku adalah BookXcess yang kini telahpun mempunyai lebih daripada 10 cawangan di seluruh negara.

Menariknya setiap lokasi tampil dengan konsep interior yang tersendiri. Lensa *Wilayahku* sempat memotret keunikan BookXcess yang terdapat di RexKL dan MyTown.



REMAJA antara golongan yang ramai berkunjung ke kedai buku.



Lokasi 'healing' di tengah taman

DIANA AMIR

Foto: SYUQQREE DAIN

Video: HASIF HALIMI

BAGI mereka yang ingin mencari lokasi 'healing' tersembunyi di Putrajaya disarankan untuk meluangkan masa ke Gua Juicery yang terletak di tengah-tengah Taman Botani.

Mempunyai reka bentuk seakan gua menjadikannya tumpuan pelancong luar dan dalam negara sejak ia mula dibuka pada Disember 2023 yang lalu.

Menurut pemiliknya, **Mohd Iqbal Kamaruddin**, 34, pada asalnya ia adalah sebuah *rain shelter* buat pengunjung yang melakukan aktiviti riadah di kawasan tersebut di mana ia telah wujud lebih 10 tahun lalu.

"Atas inisiatif Perbadanan Putrajaya (PPj) yang mahu tempat ini menjadi tarikan pengunjung maka wujudnya Gua Juicery," katanya struktur asal tersebut diberi sedikit penambahbaikan.

"Seperti yang semua ketahui, di

Taman Botani terdapat juga seksyen *edible garden* seperti buah-buahan dan ulam-ulaman, jadi kami cuba tonjolkan keunikan tersebut melalui makanan dan minuman.

"Secara tidak langsung kita sajikan makanan sihat kepada pelanggan dan sekali gus mereka juga mengetahui sedikit sebanyak tentang keunikan taman ini," ujarnya.

Berpengalaman selama lima tahun di dalam industri makanan dan minuman (F&B), Iqbal berkata pihaknya hanya menawarkan menu yang mudah, ringkas dan cepat supaya pelanggan tidak mengambil masa yang lama untuk menunggu.

"Dua perkara utama yang pelanggan akan mengeluh adalah dari segi layanan dan juga harga. Kalau kita dapat *tackle* salah satu, jadi kita dapat bertahan dengan gelombang *viral* kerana tular adalah satu perkara dan untuk mengekalkan momentum itu juga satu perkara lain.

"Antara menu yang paling laris di sini adalah jus *mangopine* manakala untuk *smoothies* kita ada *dragon berries*. Untuk makanan pula pelanggan memilih panini rasa Malaysia

selain untuk manisan kita ada *kayaria bagels* dan *pinana butter*.

"Panini rasa Malaysia adalah keunikan kita di mana salad diganti dengan ulam-ulaman dan untuk rasa pedas kuah masak lemak digunakan," ujarnya rata-rata pelanggan pasti tidak melepaskan peluang mencuba menu tersebut.

Berkongsi soal harga, Iqbal berkata sasaran utama adalah untuk semua golongan yang berkunjung di Taman Botani.

"Untuk minuman harga bermula serendah RM7 manakala untuk makanan RM8 tetapi ia berbeza berdasarkan menu pilihan anda," ujarnya Gua Juicery mampu menempatkan 45 pelanggan dalam satu masa.

KESELESAAN PELANGGAN

PIHAK Gua Juicery tidak bercadang untuk meluaskan kafe tersebut namun akan menaik taraf agar pelanggan terus selesa dengan penambahan penyejuk udara.

"Setakat ini maklum balas yang diterima positif namun ada beberapa penambahbaikan yang kami perlu ambil berat dari segi rasa dan juga variasi menu kerana pelanggan perlu berjalan dalam 700 meter untuk ke Gua Juicery dari tempat letak kereta.

"Kami akan lakukan penyelidikan dan pembangunan (R&D) berkenaan menu apa yang sesuai untuk diketengahkan lagi," katanya yang berpegang untuk sentiasa membawa keunikan dalam sesebuah perniagaan bagi menarik pelanggan.

Berkongsi mengenai cabaran yang dihadapi, Iqbal berkata antara yang sukar adalah untuk mendengar maklum balas dan melakukan penambahbaikan.

"Cara kita bermula tak semestinya cemerlang, pasti akan ada maklum balas negatif daripada pelanggan, apa yang kita perlu lakukan adalah untuk terus tambah baik.

"Kami juga dalam perancangan menghasilkan jus untuk diletakkan dalam mesin layan diri. Putrajaya

adalah kawasan rekreasi dan riadah jadi dengan mesin tersebut mereka yang beriadah di awal pagi, lewat petang atau malam boleh membeli produk Gua Juicery juga.

"Selain itu, kita juga akan membawa masuk menu berasaskan kelapa untuk masa akan datang selain waktu operasi yang baharu juga akan diumumkan bagi memberi ruang buat pihak kami melakukan persiapan selain memberi peluang kepada pelanggan dari jauh untuk ke kedai kami," jelasnya. **WK**



GUA Juicery boleh menempatkan 45 pelanggan.



ANTARA menu hot selling yang ditawarkan.

ISU BESAR

Akan Terjadi



Leo cetus inspirasi Villa Kucing UF

AINI MAWAWI

KETIKA negara dilanda pandemik COVID-19 pada tahun 2020, segala urusan harian menjadi terbatas terutamanya apabila Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan.

Namun di sisi lain, kaedah pembelian dalam talian menjadi pilihan utama pengguna sekali gus ia merekodkan peningkatan jumlah peniaga baharu yang sangat menggalakkan.

Keterbatasan pengguna untuk mendapatkan keperluan membuatkan pengeluar berlumba-lumba untuk memasarkan barangan di platform digital seterusnya menjadi trend sehingga ke hari ini.

Tidak terkecuali juga bagi pemilik perniagaan Villa Kucing UF yang dikenali sebagai **Nur Akmar Mohamad Tamizi**, 38, yang memilih untuk menjalankan perniagaan tempat tinggal kucing moden.

Ujarnya idea tersebut bermula ketika PKP sekitar tahun 2020 di mana suaminya yang juga seorang juruterbang terpaksa berehat seketika susulan sektor penerbangan dihentikan buat



NUR AKMAR bersama suami di hadapan kedai mereka.

sementara waktu.

"Masa itu pintu sempadan banyak negara ditutup. Jadi kami risau jika keadaan berlarutan lama dan hilang sumber pencarian. Apa yang terlintas dalam fikiran cuma ingin menjalankan bisnes dalam talian sahaja sebab kita pun tak

boleh keluar rumah.

"Saya memelihara seekor kucing di rumah yang diberi nama Leo. Apa yang saya dapat lihat pencinta kucing akan menjaganya seperti anak. Mereka sanggup beli apa sahaja asalkan si bulus kesayangan selesai.

"Sama seperti saya juga yang ketika itu sibuk mencari tempat tinggal untuk Leo. Saya tengok ramai yang menjual produk tersebut cuma saya agak cerewet. Jadi dari situlah wujudnya perniagaan ini," ujarnya.

Mengakui pelbagai cabaran dilalui sebelum dapat membuka kedai fizikal yang terletak di Salak Perdana, Sepang pada sekitar tahun 2022, wanita ini berkata pada permulaannya dia dan suami melakukan segala pekerjaan berdua sahaja tanpa bantuan sesiapa.

"Kamilah yang memasang villa, mengangkat dan menghantar kepada pelanggan dengan meminjam pacuan empat roda abang. Memandangkan tiada tempat simpanan untuk menempatkan barangan maka kami menambah atap di ruang belakang rumah.

"Sejujurnya bagi saya kalau kita tak bermula takkan tahu di mana kekuatan yang ada. Tidak kisahlah berapa banyak saingan sekalipun tetapi yang paling penting kita tahu apa istimewanya produk yang dipersembahkan kepada pembeli. Bagi saya kualiti adalah paling utama," kongsiya yang

kini telahpun membeli sebuah lori untuk memudahkan penghantaran produk.

Tambahnya, kebanyakan pelanggan adalah mereka yang pernah membeli villa kucing daripadanya sebelum ini. Malah rata-ratanya mengakui harga yang ditawarkan berpatutan selain kualiti kayunya yang tahan air serta tahan lasak.

"Alhamdulillah syukur kerana sokongan daripada pelanggan juga membuatkan perniagaan ini berkembang maju dan *insya-Allah* lebih banyak lagi kejayaan yang bakal dikecapi pada tahun mendatang," ujarnya mengakui menggunakan konsep *try and adjust* sebelum memilih produk yang betul-betul mendapat sambutan.

Siapa sangka hanya bermodalkan RM10,000 kini perniagaannya berjaya mencatat jualan mencecah lebih RM100,000 setiap bulan.

"Pada tahun ini fokus utama kami adalah untuk mengukuhkan jenama selain memberi tumpuan terhadap satu lagi cabang bisnes iaitu UF Cat Hotel yang menyediakan tempat penginapan serta dandanan kucing," ujarnya yang mempunyai lima orang kakitangan. **WK**

Bengkel kemahiran perabot ubah nasib B40

HANYA dengan menggunakan 'bahan buangan', siapa sangka hasilnya mampu menjana pendapatan dan mengubah kehidupan seterusnya memberikan sinar baharu kepada golongan B40 dan penghuni Projek Perumahan Rakyat (PPR).

Itulah yang dilakukan **Mohd Faizal Ayob**, 40, menerusi perusahaan sosial asas (PSA), Re-Kayu yang menjadikan kayu palet dan kayu *pine* kitar semula untuk memperkasakan golongan berkenaan dengan kemahiran pertukangan kayu dan pembuatan perabot.

Sejak PSA dilaksanakan tiga tahun lepas, Mohd Faizal bukan sahaja membantu mereka yang kehilangan pekerjaan membina semula kerjaya dengan memperoleh pendapatan sekurang-kurangnya RM1,500 sebulan, tetapi juga meningkatkan mereka menjadi usahawan berjaya yang mampu menyiapkan tempahan perabot hingga mencecah puluhan ribu ringgit.

Gembira dengan pencapaian itu, beliau berkata program yang

memberi latihan pertukangan kayu secara percuma berkenaan telah menarik 50 belia di PPR dan B40 di sekitar Lembah Klang dan pihaknya menyasarkan penyertaan lebih 200 individu pada tahun depan.

"Peserta akan diberi pendedahan mengenai fungsi dan kegunaan alatan pertukangan kayu dan mesin kayu yang lebih jimat tenaga dan masa sepanjang tempoh dua hari kursus.

"Mereka juga boleh mempelajari teknik dan kemahiran pertukangan kayu termasuk pemilihan bahan, lukisan reka bentuk, laminasi dan perapian selain mengasah kreativiti dan inovasi peserta," katanya.

Antara perabot yang dihasilkan ialah katil, meja tulis, bangku, rak kasut dan pakaian dengan permintaan paling tinggi diterima adalah tempahan katil untuk mangsa banjir sebanyak 150 unit.

Bekas pensyarah pelancongan di sebuah universiti di ibu kota ini berkata bahan kayu yang digunakan diperoleh dari gudang dan kilang dengan perabot hasil kerja tangan



MOHD FAIZAL (kiri) memantau peserta-peserta di Subang Jaya baru-baru ini.

peserta, dipasarkan sehingga luar Lembah Klang selain turut disewakan untuk kegunaan pelbagai majlis.

Antara PPR yang terlibat menjayakan inisiatif berkenaan ialah PPR Kampung Baru HICOM Shah Alam, PPR Pantai Ria, PPR Lembah Subang, Flat Gasing Indah, Flat Puchong Permai dan Pangsapuri Angkat Angsana USJ 1.

"Program tidak terhenti setakat memberi latihan sahaja sebaliknya

kami buat susulan setiap aktiviti pertukangan yang dilakukan di rumah selain kita bantu penggunaan peralatan.

"Hasrat kami juga sangat besar iaitu kami ingin melihat golongan B40 tidak dipandang rendah dan kami mahu bantu mereka melebarkan sayap ke peringkat lebih baik," katanya yang sedang mengikuti kursus Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) tahap 4 dalam bidang

teknologi perabot.

Program itu juga turut mendapat kerjasama pelbagai agensi antaranya Rakan Muda, pihak berkuasa tempatan (PBT) serta Persatuan Penempatan Dan Pemulihan Penjara.

Penyertaan golongan bekas banduan, belia bermasalah dan penganggur juga turut disasarkan menerusi Program Keusahawanan Sosial dan Pembudayaan Komuniti Inovatif bagi memberikan peluang kedua kepada mereka untuk membina kehidupan lebih baik.

Inisiatif PSA itu turut memulakan Program Return To Work dengan kerjasama Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Yayasan Inovasi Malaysia bagi tujuan sama melalui modul pembuatan perabot.

"Kami juga akan bekerjasama dengan pusat latihan kemahiran seperti Pusat Pembangunan Kemahiran Industri Kayu (WISDEC) dalam memberi pensijilan SKM (Sijil Kemahiran Malaysia) untuk peserta agar lebih berdaya saing," katanya. - **BERNAMA**

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR



SERTAI SALURAN TELEGRAM



UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!



Buat saringan kesihatan atau tidak?

SETIAP dekad dalam hidup ini membawa cabaran kesihatan baharu dan pemeriksaan kesihatan secara tetap boleh membantu mengesan masalah lebih awal. Beberapa nasihat penting perlu sentiasa disampaikan supaya lebih proaktif tentang kesihatan mereka.

Ini kerana kebanyakannya keberatan untuk menjalani pemeriksaan kesihatan. Sudah tentu ia bukanlah satu idea yang menyeronokkan! Malah, setiap peluang yang ada digunakan untuk menangguhkan atau terus mengelak melakukannya.

Ramai yang berfikir 'lebih baik saya tak tahu apa-apa, eloklah saya jalani sahaja hidup ini, ia hanya membuang masa dan wang'.

Adakah sentimen ini seperti biasa anda dengar? Memangnya ia sesuatu yang normal untuk berasa begitu terutama apabila merasakan hidup sudah cukup sibuk dengan urusan kerjaya.

Namun begitu pemikiran begini boleh memudaratkan kesihatan kita untuk jangka panjang. Wanita, apatah lagi seorang ibu lebih cenderung untuk meletakkan keperluan orang lain melebihi keperluan diri sendiri. Oleh itu, adalah penting untuk lebih ramai wanita belajar mengutamakan diri dan menjadi proaktif tentang kesihatan mereka.

Matlamat ujian saringan adalah untuk mengesan perubahan dalam badan sebelum ia menjadi tidak terurus. Dengan cara ini, anda berpeluang mengubah suai gaya hidup dan mengelak penyakit tertentu.

Secara ringkasnya, ini bermakna anda perlu menjalani pemeriksaan kesihatan semasa anda sihat! Jadi, bila saya perlu mula menjalani pemeriksaan kesihatan?

Badan kita melalui proses penuaan semula jadi, dan matlamatnya adalah untuk menua secara sihat. Secara amnya, wanita berumur antara 19 hingga 24 tahun dianggap berada di kemuncak kesihatan.

Selepas itu, bermula usia 25



MATLAMAT ujian saringan adalah untuk mengesan perubahan dalam badan sebelum ia menjadi tidak terurus.

tahun, lemak mula terkumpul terutamanya di pinggul, paha dan perut. Jisim otot pun semakin merosot. Dari umur 35 tahun, jisim tulang berkurangan pada kadar 0.5-1 peratus setahun. Semua itu adalah perubahan semula jadi walaupun setiap orang ada perbezaannya.

Seharusnya pemeriksaan tahunan dilakukan sejurus mencapai usia dewasa contohnya apabila anda mula bekerja dan dua kali setahun selepas berumur 45 tahun. Ada begitu banyak jenis ujian dan perlu diambil tahu bahawa ujian saringan yang mana harus diutamakan.

Statistik penyakit tidak berjangkit seperti diabetes, tekanan darah tinggi dan kolesterol tinggi telah meningkat dalam kalangan masyarakat selama bertahun-tahun. Oleh itu, beliau dicadangkan pemeriksaan kesihatan tahunan untuk semua orang dewasa yang sihat harus bermula dengan langkah seperti:

1. Tekanan darah untuk memeriksa hipertensi. Penyakit yang dikenali sebagai pembunuh senyap

ini berkembang tanpa gejala yang ketara dan menjejaskan tiga daripada 10 rakyat Malaysia, iaitu kira-kira 6.4 juta orang serta meningkatkan risiko strok dan serangan jantung.

2. Kiraan darah untuk mengesan penyakit seperti anemia. Secara purata, anemia menjejaskan tiga daripada 10 orang wanita berumur 15 hingga 49 tahun dan boleh menyebabkan komplikasi semasa hamil seperti keguguran dan kelahiran pramatang.

3. Ujian glukosa darah untuk memeriksa diabetes. Kira-kira satu daripada lima orang dewasa menghidap diabetes bersamaan dengan 3.9 juta orang dewasa.

4. Indeks jisim badan (BMI) untuk memantau kenaikan berat badan dan membantu mencegah obesiti. Statistik kebangsaan menunjukkan bahawa satu daripada dua orang dewasa mempunyai berat badan berlebihan atau obes, manakala seorang daripada dua orang mempunyai obesiti perut, di mana wanita masing-masing menyumbang 54.7 peratus dan 64.8

peratus.

5. Ujian lipid untuk memeriksa peningkatan paras kolesterol yang boleh menyebabkan penyakit jantung. Sekitar empat daripada 10 rakyat Malaysia, iaitu kira-kira lapan juta orang mengalami tahap kolesterol yang tinggi. Wanita lebih berkemungkinan mempunyai tahap lebih tinggi berbanding lelaki. Walaupun begitu, seorang daripada empat orang tidak menyedari yang mereka mempunyai kolesterol tinggi.

6. Fungsi buah pinggang dan profil hati kerana penyakit buah pinggang kronik menjejaskan seorang daripada tujuh orang rakyat Malaysia dan diabetes merupakan faktor risiko yang ketara.

CEGAH SEBELUM TERLAMBAT

APABILA usia anda meningkat disyorkan untuk menjalani pemeriksaan mata tahunan, ujian pendengaran dan pemeriksaan pergigian.

Apa pula ujian yang khusus untuk wanita? Beberapa ujian saringan

amat penting untuk wanita, iaitu *pap smear* untuk memeriksa kanser serviks, pemeriksaan payudara untuk mengesan kanser payudara dan imbasan kepadatan mineral tulang untuk mengesan osteoporosis.

Kanser serviks adalah salah satu penyakit khusus apabila wanita semakin usia. Berdasarkan sejarah, kanser serviks pernah menjadi salah satu kanser yang dominan dalam kalangan wanita dengan 500,000 kes baharu setahun di seluruh dunia dan 250,000 kematian.

Disebabkan kita mempunyai program saringan yang cekap melalui penggunaan *pap smear*, kita berupaya mengurangkan kes kanser serviks dengan banyak sekali. Ia adalah kemajuan paling ketara dalam kawalan kanser. Justeru, pemeriksaan tahunan untuk kanser serviks adalah sesuatu yang sangat digalakkan.

Ujian *pap smear* melibatkan pengambilan sedikit sampel tisu dari serviks, yang akan diperiksa untuk kegajilan atau perubahan yang boleh menjadi tanda kanser serviks. Bagaimanapun, di sebalik keberkesananannya sebagai ujian saringan, satu kajian baru-baru ini mendapati hanya 45 peratus wanita Malaysia pernah menjalani ujian tersebut.

PENULIS Dr Muralitharan Ganesalingam merupakan Ketua Jabatan Obstetrik dan Ginekologi, Fakulti Perubatan, Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU).

WK



IMBAS X
WILAYAHKU

**DAPATKAN AKHBAR WILAYAHKU SECARA PERCUMA
DI LEBIH 500 LOKASI TERPILIH
DI KUALA LUMPUR, PUTRAJAYA DAN LABUAN**

BERIKUT ANTARA LOKASI EDARAN AKHBAR WILAYAHKU:

KUALA LUMPUR - JALAN MAHARAJALELA / KL SENTRAL: DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA ■ IBU PEJABAT BOMBA WILAYAH ■ SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA BERHAD ■ KL SENTRAL ■ MIDA ■ JALAN CENDERASARI: KLINIK KESIHATAN TANGLIN ■ JABATAN KESIHATAN WILAYAH ■ JALAN RAJA LAUT: PEJABAT TANAH DAN GALIAN ■ KWSP JALAN RAJA LAUT ■ JALAN PAHANG: RUMAH PRIHATIN @ GRANDSEASONS ■ JALAN MASJID INDIA: PT10 BUSINESS CENTRE ■ KAMPUNG BARU: YAYASAN WILAYAH PERSEKUTUAN ■ KAMPUNG BARU ■ PASARAYA ANGKASA ■ KEDAI RUNCIT MJ STORE ONE ■ KEDAI RUNCIT HAIRUL ZNZ ■ SABASUN HYPERUNCIT ■ PASAR MINI MEULUR SEJAHTERA ENTERPRISE ■ RESTORAN NASI LEMAK ANTARABANGSA ■ MINI CAFÉ URS ONE ENTERPRISE ■ WARUNG ISTANA MAJU ■ KEDAI RUNCIT STABLE KIOSK ■ WARUNG 19 ■ WARUNG NASI LEMAK WANJO ■ 7ELEVEN JALAN RAJA ALANG ■ KEDAI RUNCIT HARAPAN ABAH ENTERPRISE ■ KEDAI RUNCIT SINAR MAJU ■ 7ELEVEN STESEN LRT ■ JALAN TUN RAZAK: INSTITUT JANTUNG NEGARA ■ HOSPITAL BESAR KUALA LUMPUR ■ KLINIK KESIHATAN KUALA LUMPUR ■ PUSAT DARAH NEGARA ■ BERNAMA ■ PUTRAJAYA - PRESINT 1: MASJID PUTRAJAYA ■ PEJABAT PERDANA MENTERI ■ JABATAN AUDIT NEGARA ■ KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA ■ KEMENTERIAN ALAM SEKITAR & AIR ■ BIRO BANTUAN GUAMAN ■ SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM ■ KEM PEMBANGUNAN USAHAWAN & KOPERASI ■ JPM - PENGURUSAN HARTANAH ■ JABATAN KERJAJAYA WILAYAH PERSEKUTUAN ■ PLAN MALAYSIA ■ JABATAN PERANGKAIAN MALAYSIA ■ KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA ■ KKM - PENGURUSAN PERUBATAN & PENYAKIT BERJANGKIT ■ KKM - KEJURUTERAAN ■ KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA ■ BAHAGIAN TEKNOLOGI PENDIDIKAN ■ BAHAGIAN TEKNIKAL & VOKASIONAL ■ LEMBAGA PERPERIKSAAN MALAYSIA ■ IKATAN RELAWAN RAKYAT ■ KEMENTERIAN DALAM NEGERI ■ KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA ■ JABATAN PERKHIDMATAN AWAM ■ KEMENTERIAN SAINS TEKNOLOGI & INOVASI ■ SURUHANJAYA PEKHIDMATAN PERGURUAN ■ JABATAN DASAR & HUBUNGAN ANTARABANGSA ■ JABATAN WAKAF, ZAKAT & HAJI ■ JABATAN KERJAJAYA - URUSAN BANGUNAN ■ PRESINT 2: KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN ■ JABATAN AKAUNTAN NEGARA ■ LABUAN - PINTU KELUAR AIRPORT ■ SAVEMORE SUPERMARKET ■ BATARAS HYPERMARKET ■ LABUAN GOLF INTERNATIONAL CLUB ■ SUPERMARKET LAYANGAN ■ FAMILY MARKET ■ MUZIUM CHIMNEY ■ PALM BEACH RESORT ■ MASJID AN NUR LAYANGAN ■ AIFA HOTEL ■ HOTEL PULAU LABUAN ■ TIARA HOTEL ■ HOTEL LABUAN POINT ■ LAZENDA HOTEL ■ MOTAC (SEASPORT KOMPLEKS) ■ KOMPLEKS KOMUNIKASI MULTIMEDIA MALAYSIA ■ HOSPITAL LAMA ■ BETA APARTMENT ■ LOBBY LFSA ■ LOBBY BLOK KERAJAAN ■ DORSETT HOTEL ■ IBU PEJABAT POLIS LABUAN ■ MASJID NURUL IMAN ■ PASAR SENTRAL (UTC) ■ MENARA PL ■ MASJID NUR IMAN ■ WISMA PL BLOK A ■ WISMA PL BLOK B ■ PEJABAT KPE ■ TERMINAL LDA ■ KASTAM ■ JPJ ■ JABATAN AIR ■ SESB ■ IBU PEJABAT BOMBA RANCAH-RANCAH ■ MUZIUM BANDAR ■ MASJID SULTAN MUHAMMAD V ■ BALAI BOMBA KAMPUNG JAWA ■ MASJID AN NUR (BANDAR) ■ MASJID AL FALAH ■ HOSPITAL MEMBEDAI ■ 218 JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT ■

MEDIA WARGA KOTA
WILAYAHKU



Maklumat lanjut sila dapatkan di www.wilayahku.com.my

Tandatangan MoU bersama dua persatuan

YWP rangka inisiatif urus mayat

HAZIRAH HALIM

YAYASAN Wilayah Persekutuan (YWP) mengambil langkah pertama dalam sejarah penubuhannya dengan merangka inisiatif bagi membantu menampung kos pengurusan mayat dalam kalangan bukan Islam khususnya di Wilayah Persekutuan.

Pengarah Eksekutif YWP, **Abdul Rahman Siraj** berkata ia merupakan kali pertama pihaknya menguruskan mayat bukan Islam bersama Persatuan Kebajikan Er Ge Feng dan Song Da Feng Selangor dan Kuala Lumpur.

“Seperti semua sedia maklum, kos pengurusan mayat bukan Islam menelan belanja yang amat tinggi, kadang-kala ia boleh mencecah sehingga RM6,000 bagi seorang mayat.

“Jadi dengan kerjasama ini, pihak persatuan kebajikan akan menanggung segala kos dan menguruskan proses pengurusan sehingga pengebumian melalui jumlah dana RM100,000 yang disediakan,” katanya.



ABDUL RAHMAN (tiga dari kiri) selepas memeterai MoU di Wisma YWP.

Beliau berkata demikian selepas menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Pengurusan Mayat di Wisma YWP.

MoU tersebut ditandatangani bersama Pengarah Eksekutif Persatuan Kebajikan, Er Ge Feng dan Song Da Feng Selangor dan Kuala Lumpur, Datuk Seri Yong

Mun Tong sambil disaksikan Ahli Lembaga Pemegang Amanah YWP, Gulam Muszaffar Gulam Mustakim dan Ketua Pegawai Undang-Undang YWP, Mohd Fadzil Abd Hamid.

Mengulas lanjut, Abdul Rahman berkata pengurusan mayat bukan Islam akan melalui Skim Prihatin Wilayah Persekutuan

yang disediakan oleh YWP sejak tahun 2010 dan pihaknya bertanggungjawab dalam mengenal pasti nama pemohon layak untuk menerima bantuan pengurusan mayat jika berlaku kematian.

“Setakat ini, senarai ahli Skim Prihatin yang masih aktif adalah seramai 52,646 meliputi warga Wilayah Persekutuan beragama Islam dan bukan Islam. Sekiranya si mati adalah ahli yang berdaftar di bawah skim tersebut, waris layak dibantu menggunakan inisiatif tersebut,” katanya.

Tambah beliau inisiatif ini juga mendapat kerjasama daripada pelbagai pihak yang ingin menyumbang ke Tabung Kebajikan dan Pelajaran YWP bagi meneruskan program dan aktiviti khususnya berkaitan keagamaan.

Abdul Rahman juga berharap kerjasama ini akan dapat membantu warga kota yang memerlukan dan wajar diperkembangkan jika inisiatif ini berjaya dilaksanakan.

Sementara itu, Gulam melihat inisiatif yang dilaksanakan oleh persatuan ini boleh dikembangkan melalui Skim Khairat Kematian atau

Info ADUAN

DBKL
Tel : 03-2617 9000

Perbadanan Putrajaya
Tel : 03-8887 7000
Aduan : 03-8887 3000

Perbadanan Labuan
Tel : 087-408600
Aduan : 087-408852

Jabatan Agama Islam KL
03-2274 9333

Jabatan Agama Islam Putrajaya
03-8884 2600

Jabatan Agama Islam Labuan
087-415 311

Wilayahku
WhatsApp
: 011-5958 7489

Skim Prihatin YWP.

“Daripada jumlah tersebut, didapati lebih kurang 20 hingga 30 peratus ahli berusia 70 tahun dan ke atas tiada perlindungan insurans, jadi secara tidak langsung ini adalah tanggungjawab sosial mereka kepada kita,” jelasnya. **WK**

Dragon of Prosperity hiasi ruang KLCC

DIANA AMIR

BERSEMPENA Tahun Baru Cina, Suria KLCC menghiasi ruangan tengah pusat beli-belah tersebut dengan pameran zaman kegemilangan Old Shanghai.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Suria KLCC Sdn Bhd, **Francis Tan**, pameran yang berlangsung pada 12 Januari sehingga 18 Februari ini membawa reka bentuk budaya pada tahun 1920 sehingga 1930 yang juga dikenali sebagai Paris of the Orient.

“Ruang Centre Court Suria KLCC mempersembahkan dekorasi ‘Old Shanghai’ dahulu kala yang dihiasi dengan kedai-kedai dua tingkat tradisional. Antara pengalaman menarik, pengunjung dapat mengimbuai pelbagai replika binaan termasuk kedai pakaian dihiasi indah yang mempamerkan seni reka cheongsam.

“Selain daripada sebuah restoran agama yang menampilkan hidangan tradisional sempena sambutan makan malam tahunan,” katanya ia turut mempamerkan sebuah beca dan juga kereta retro dan vintaj untuk dijadikan sebagai prop mengambil gambar.

Francis berkata Ruang Esplanade KLCC memainkan peranan utama dalam sambutan kali ini melalui dekorasi majestik replika naga 3D setinggi 60 kaki yang dinamakan sebagai ‘Dragon of Prosperity’.

“Bagi menyemarakkan lagi sambutan perayaan Tahun Baharu Cina, pengunjung boleh menikmati persembahan tarian akrobatik singa yang akan berlangsung setiap hari Ahad pada pukul 5 petang di Esplanade KLCC dan tarian naga di ruang Centre Court setiap hari Sabtu pada pukul 2 petang



DRAGON of Prosperity menjanjikan pemandangan yang mengagumkan.

sepanjang tempoh kempen.

“Tahun Baharu Cina bukanlah sekadar sebuah perayaan, ia adalah detik bermakna untuk memperkasa adat serta budaya dan di Suria KLCC, kami amat berbangga untuk membawakan pengalaman imersif dan interaktif yang boleh membawa para pengunjung menikmati detik kegemilangan dan kehebatan era *Old Shanghai*,” ujarnya.

Tambahnya, para pengunjung yang berbelanja RM1,500 ke atas dalam dua resit akan menerima e-Baucar Suria KLCC yang berjumlah RM100 serta satu set sampul merah eksklusif Suria KLCC.

Kemeriahan tidak terhenti di situ apabila para pelanggan yang membeli e-Baucar yang berjumlah RM1,000 berpeluang untuk menerima e-Baucar tambahan yang bernilai RM100 dan tawaran ini terhad kepada 50 pelanggan pertama sahaja.

“Rakam detik indah di *Festive*

Photobooth di mana para pengunjung boleh memperagakan kostum tradisional Cina dan nikmati cetakan foto tanpa had, bersama dengan salinan elektronik. Peluang mengabadikan detik indah sambutan juga disediakan di ruang masuk Centre Court, Esplanade KLCC; Aras 1 Ampang Mall dan Ramlee Mall yang dihiasi dengan dekorasi *Instagram worthy*.

“Para pelanggan yang membeli Suria Ribbon Pin berharga RM10 sebagai tanda sokongan kepada inisiatif Kesedaran Kesihatan Mental akan menerima satu set kuplet kaligrafi Cina yang dilengkapi dengan ucapan membawa tuah. Pada hujung minggu, para pelanggan juga berpeluang menyaksikan seni kaligrafi Cina yang mencipta kuplet secara langsung semasa pembelian Suria Ribbon Pin,” katanya. **WK**

Jalur Gemilang gergasi berkibar di Menara KL

SEMPENA Sambutan Hari Wilayah Persekutuan pada 1 Februari ini, Menara Kuala Lumpur (KL Tower) mengibarkan Jalur Gemilang gergasi berukuran 57 kaki lebar dan 114 kaki panjang pada antenanya yang berada pada ketinggian 383 meter dari aras tanah.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, **Nazli Saad** berkata Projek kibaran Jalur Gemilang itu adalah salah satu inisiatifnya dalam menyokong usaha kerajaan untuk menyemarakkan lagi semangat patriotisme dalam kalangan rakyat Malaysia.

“Kami berbesar hati apabila berpeluang untuk mengibarkan kembali Jalur Gemilang gergasi ini seperti mana yang pernah dilaksanakan Menara KL pada Sambutan Hari Malaysia 16 September tahun lalu.

“Menara KL merupakan aset yang dimiliki oleh kerajaan melalui pengawalan oleh Kementerian Komunikasi. Jadi, lebih menarik pada kali ini kibaran Jalur Gemilang tersebut dirasmikan oleh Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Komunikasi, Datuk Mohamad Fauzi Md Isa yang juga pertama kali melakukan tinjauan ke Menara KL selepas dilantik sebagai KSU pada 3 Mei 2023.

“Sepatutnya beliau melakukan lawatan kerja ke Menara KL pada tahun lalu namun disebabkan jadual padat jadi ia ditunda ke hari ini (18 Januari),” katanya.

Untuk rekod, Jalur Gemilang Gergasi itu dibuat oleh Star Light Flag Trading Sdn Bhd dan proses pemasangan mengambil masa sehari untuk disiapkan oleh Syarikat Rendang Engineering Sdn Bhd.

Di kesempatan itu, Nazli turut mengalu-alukan kehadiran orang ramai untuk hadir beramai-ramai ke Program *Surr! In The Sky* Nasi Kandaq Festival sambil menyerlahkan bakat dalam ‘menarik’ teh tarik di ketinggian 300 meter dengan menyertai Cabaran Teh Tarik @ KL Tower pada 27 dan 28 Januari ini. **WK**

Hormati garis sempadan antara agama

BARU-BARU ini, berlakunya perbuatan khianat membakar masjid dan surau di Sri Medan, Johor. Perbuatan khianat ini adalah perbuatan terkutuk yang kesannya bukan hanya kepada perasaan individu, tetapi kepada seluruh masyarakat yang beragama Islam. Perbuatan provokasi ini melibatkan institusi agama iaitu rumah ibadat yang merupakan tempat suci untuk beribadah bagi penganut beragama Islam.

Larangan provokasi dan menghina rumah ibadat adalah sangat dilarang oleh Islam. Hal ini kerana ia akan menimbulkan kemarahan penganut agama lain dan akan menyebabkan mereka bertindak balas dan mencela Islam kembali. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan janganlah kamu memaki dan mencela sembah yang mereka sembah selain Allah, kerana nanti mereka akan membalas dengan cara memaki Allah melampau-lampau pula tanpa ilmu.” (Surah al-An'am: 108).

Rasulullah SAW sangat memahami sensitiviti keagamaan ini. Nabi memerintahkan untuk menghormati segala rumah ibadat dan selalu memerintahkan para sahabat untuk tidak merosakkan rumah ibadat dalam peperangan. Bahkan selepas Perang Hunain, Nabi memerintahkan untuk memulangkan lembaran kitab Taurat di sela-sela harta rampasan perang.

Begitulah toleransinya Islam dalam berinteraksi dengan agama lain dan halusnya Nabi menjaga sensitiviti antara agama ini.

Mengapa Islam melarang umatnya menyentuh sensitiviti agama lain? Hal ini adalah kerana kepercayaan agama, rumah ibadat, kitab suci dan ritual agama adalah perkara yang mempunyai keterkaitan dengan ketuhanan agama masing-masing. Elemen ini



PROVOKASI dan menghina rumah ibadat adalah dilarang dan boleh menimbulkan konflik antara agama.

adalah perkara sensitif dan harus menjadi garis sempadan (*border line*) antara agama yang harus dihormati.

Sekiranya garis ini dilanggar, ia boleh menimbulkan konflik antara agama yang menyentuh emosi penganutnya. Ia akan menimbulkan rasa tidak senang, rasa tidak puas hati, rasa marah dan bangkit emosi perjuangan mempertahankan agama masing-masing.

Maka, sekiranya ada penganut yang melakukan aksi bom bunuh diri atau pengeboman terhadap rumah ibadat dan dituduh mereka itu Muslim, tentu yang pasti, mereka bukanlah orang yang taat pada agama Islam. Hal ini kerana, Islam tidak mengajarkan untuk merosakkan rumah ibadat agama lain.

Malangnya, ada segelintir masyarakat yang tidak sensitif akan garis sempadan ini. Mereka menyentuh sensitiviti antara agama dan kesannya, berlaku



balas-membalas sehingga menyebabkan tragedi terbakarnya masjid dan surau. Maka, rumus mudahnya, sekiranya kita tidak mahu agama kita dihina, begitu juga janganlah kita menghina agama lain, menyentuh sensitiviti atau membuat provokasi yang jelas merosakkan keharmonian antara penganut agama.

Bagi kita yang tinggal di Malaysia yang tercinta ini, keharmonian antara penganut agama yang dinikmati negara hari ini adalah nikmat yang harus kita syukuri. Toleransi beragama di negara Malaysia ini cukup luas dan dilindungi Perlembagaan. Semua penganut agama negara ini bebas menganuti agama masing-masing dengan aman dan harmoni.

Walaupun Perlembagaan Persekutuan menjadikan Islam adalah agama negara ini, tetapi kita harus bersyukur di mana keadilan Islam itu menjadikan semua

penganut agama dapat hidup aman dan harmoni di negara tercinta ini. Hayati Rukun Negara ketiga iaitu menghormati keluhuran Perlembagaan, maka kita harus menghormati masyarakat yang berbeza agama dan kaum di negara ini. Sebagai rakyat Malaysia yang hidup dalam kemajmukan ini, usahlah menyentuh sensitiviti antara agama ini. Janganlah kerana sesebuah pernyataan provokasi oleh mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab, menjadikan kita terprovokasi pula.

Kita harus rasional dan menyelesaikan isu-isu antara agama di negara ini dengan baik, bermula dengan kita saling menghormati garis sempadan antara agama ini. Begitu juga pernyataan yang boleh mengundang provokasi juga harus dielakkan baik secara verbal mahupun tulisan di media sosial. Ia akan menjadi mudah tular dan mengundang tujahan komen yang berbau kemarahan. Provokasi ini

“Bagi kita yang tinggal di Malaysia yang tercinta ini, keharmonian antara penganut agama yang dinikmati negara hari ini adalah nikmat yang harus kita syukuri.

lebih buruk sekiranya disentuh untuk tujuan politik.

Maka, jangan hanya kerana kepentingan peribadi atau parti, garis sempadan agama ini kita langgar dan tergamak pula menyentuh sensitiviti agama. Jangan kerana nila setitik, mampu menggadaikan keharmonian beragama yang telah kita nikmati di negara ini setelah sekian lama. Mahukah kita menjadi negara berkonflik yang berlaku kebakaran rumah ibadat sana dan sini seperti di negara lain? Tentu tidak! Maka, untuk menjaga keberlangsungan masyarakat Madani di Malaysia, peliharalah keharmonian kaum dan agama di negara ini.

PENULIS Dr Atifah Ahmad Yusoff merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaysia.



IMBAS INSTAGRAM WILAYAHKU

PENGIKLANAN AKHBAR

MUKA PENUH
26 cm x 32 cm

SEPARUH MUKA
26 cm x 16 cm

SUKU MUKA
13 cm x 16 cm

PANEL BAWAH
26 cm x 6 cm

PENGIKLANAN DIGITAL

Home page
Under headline
Size: W: 7 x
H: 90-200 pixel

IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL

Page: Berita
Antara 2
perenggan berita
size: W: 250 x
H: 250 pixel

Page: Berita
Iklan 1
Size: W: 250 x
H: 250 pixel

Page: Berita
Iklan 2
Size: W: 360 x
H: 250 pixel

IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

WILAYAHKU

50,000 naskhah akhbar WILAYAHKU diedarkan secara PERCUMA setiap minggu di lebih 500 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

BERMINAT

Untuk khidmatan rundingan pengiklanan sila hubungi:

03-8861 5260

Alamat:
YWP MEDIA SDN BHD (1304797-X)
Ara 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2,
62100 Putrajaya

Isu bekalan air di Labuan

Ganti paip usang 1.5km secara berfasa

KHAIRUL IDIN

SEJUMLAH RM7 juta telah diluluskan kerajaan bagi kerja-kerja penggantian paip usang di Pulau Enoe, Labuan.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, **Datuk Seri Fadillah Yusof**, kerja-kerja penggantian melibatkan laluan sepanjang 1.5 kilometer (km) dan dijangka siap pada 2025.

Beliau berkata penggantian paip itu akan dilaksanakan secara berfasa bagi mengurangkan gangguan bekalan air kepada pengguna.

“Saya juga sudah berbincang sama ada kita boleh melihat kepada hala tuju projek di Labuan ini untuk mencari sumber lain untuk bekalan air supaya tidak bergantung sangat dengan tanah besar Sabah kerana ia juga mempunyai masalah bekalan.

“Jadi kalau kita dapat melihat kepada sumber lain untuk menyalurkan 100 peratus bekalan air untuk Labuan, itu akan lebih terjamin,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui

pemberita selepas sesi lawatan rasmi di Tapak Projek Pemasangan Paip Pulau Enoe baru-baru ini.

Hadir sama Ahli Parlimen Labuan, Datuk Suhaili Abd Rahman; Timbalan Pengerusi Perbadanan Labuan, Simsudin Sidek dan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Rithuan Mohd Ismail.

Tambah Fadillah, penyelesaian sumber air diteliti bagi menampung keperluan di Labuan, agar tidak bergantung kepada bekalan dari Sabah.

“Memandangkan gangguan bekalan air berlaku sekali-sekala dari tanah besar Sabah, Labuan mesti ada sumber air baharu.

“Saya telah mengadakan perbincangan mengenai hala tuju pembangunan projek bekalan air di Labuan untuk mengenal pasti sumber baharu yang boleh mengurangkan ketergantungan pada Sabah.

“Langkah strategik ini akan memastikan bekalan air yang lebih stabil dan terjamin untuk seluruh pulau,” katanya. **WK**



FADILLAH (tengah) ketika melawat tapak projek penggantian paip di Pulau Enoe.

Tahap kesedaran masih rendah

KIRA-KIRA 500 wanita di pulau bebas cukai Labuan menerima manfaat saringan kanser serviks melalui ujian HPV DNA secara percuma menerusi KASIH Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) Gempur Saringan HPV DNA 2024 yang dilancarkan baru-baru ini.

Menterinya, **Datuk Seri Nancy Shukri** berkata seramai 57,000 wanita disasarkan mendapat manfaat pada 2024 melalui Kempen Kesedaran Kanser Reproduksi Wanita (WCaRe) yang dianjurkan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN).

“KPWK bersama-sama LPPKN seluruh negara telah mengatur pelbagai aktiviti bagi mengimarahkan kempen itu. Antaranya termasuklah saringan ujian HPV DNA percuma kepada wanita layak di semua Klinik Nur Sejahtera LPPKN.



NANCY (empat kiri) melepaskan burung merpati sebagai simbolik perasmian.

“Ia merangkumi Program Saringan Kanser Serviks dan Subsidi Ujian Mamogram. Jadi, pergilah ke klinik untuk menjalani saringan ini. Selain itu kita juga sentiasa menjalankan program *pap smear* sekali gus tertumpu kepada golongan wanita,” katanya.

Turut hadir Timbalan Menteri KPWKM, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad.

Dalam pada itu, Nancy turut memaklumkan tahap kesedaran menjalani saringan HPV DNA di Labuan masih rendah iaitu hanya tiga peratus berbanding 21,600 wanita berusia 30 hingga 65

tahun pada tahun sebelumnya.

Menerusi rekod pada 2019 hingga tahun lalu mencatatkan sebanyak 112,524 orang wanita telah menjalani ujian berkenaan dengan pecahan 23,744 daripadanya di Sarawak, diikuti Sabah (12,778) dan Kuala Lumpur (10,932). **WK**

Kerjasama banteras dadah

BAGI menjadikan Wilayah Persekutuan Labuan maju dan sejahtera, Perbadanan Labuan (PL) komited bekerjasama dengan pelbagai agensi bagi membentaras jenayah khususnya kegiatan dadah.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutifnya, **Rithuan Mohd Ismail**, untuk mencapai matlamat itu pihaknya mengalu-alukan kerjasama agensi khususnya penguatkuasaan.

“Ia menjadi fokus kita sebagai pihak berkuasa tempatan untuk memerangi sebarang jenayah khususnya dadah dan kita sedia bekerjasama untuk tujuan itu.

“Selain itu, kita menyahut seruan kerajaan untuk

menjadikan Labuan sebagai wilayah sejahtera sekali gus memastikan pulau ini bebas daripada dadah,” katanya selepas merasmikan Bengkel Pemerkasaan Komuniti Bagi Mencegah Penyalahgunaan Dadah dan Pelencongan Sosial anjuran Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) di Dewan Serbaguna Perbadanan Labuan.

Sementara itu, Naib Pengerusi Kanan MCPF, Datuk Seri Ayub Yaakob menyambut baik hasrat itu untuk bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan.

“Ia tidak mustahil untuk kita mengadakan kerjasama di Labuan ini. Melalui usaha itu mampu menjadikan Labuan sebagai model contoh,” ujar beliau. **WK**

Golongan kurang berkemampuan terus diberi perhatian

WARGA Labuan khususnya golongan yang tidak berkemampuan akan terus diberi perhatian oleh Pejabat Perdana Menteri dan Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP).

Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri, **Datuk Azman Abidin** berkata pihaknya bersama Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Zon Labuan akan sentiasa turun padang untuk membantu golongan tersebut.

“Rakyat di Labuan sentiasa diberikan perhatian oleh Pejabat Perdana Menteri mahupun JWP sepertimana hasrat Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) yang



AZMAN (tiga dari kanan) menyampaikan sumbangan kepada Zurinah baru-baru ini.

mahu mengadakan lawatan setiap bulan bagi menangani isu-isu yang berbangkit sekali gus memastikan kesejahteraan rakyat

di pulau ini terjamin,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyantuni sembilang buah keluarga kurang bernasib baik di

pulau bebas cukai itu.

Sementara itu, ibu kepada penerima bantuan, Dinah Afrinah Rahman, 7, yang merupakan pesakit kanser cardinal menzahirkan kesyukuran atas keprihatian dan sumbangan yang disalurkan bagi memudahkan urusan perubatan anaknya.

“Tiada kata mampu saya ungkapkan selain berterima kasih kepada pihak yang terlibat memberikan sumbangan kepada anak saya. Ia sangat berguna untuk menampung kos perubatannya di Hospital Likas, Sabah setiap bulan,” ujar Zurinah Md Yussof menahan sebak. **WK**

Pembangunan pesat Putrajaya

Hidupan liar cetus kebimbangan penduduk

SABRINA SABRE

KONFLIK manusia dan hidupan liar tidak hanya berlaku di luar bandar, sebaliknya ia turut dihadapi di pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan.

Kera, babi hutan, ular dan biawak adalah antara hidupan liar yang berjaya mencerooboh masuk ke Wilayah Persekutuan Putrajaya sehingga mencetus kebimbangan penduduk tempatan yang rata-ratanya terdiri daripada penjawat awam.

Menurut Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud**, aktiviti perbandaran dan pembangunan pesat di sekitar Putrajaya telah menimbulkan konflik kepada hidupan liar yang terancam habitat asal sehingga berebut tempat tinggal dengan manusia.

“Bagi mengawal populasi hidupan liar itu, pihak PPj melalui Seksyen Fauna dan Flora Jabatan Landskap dan Taman tidak akan berdiam diri dan sentiasa memastikan ancaman itu dapat dikawal.

“Baru-baru ini kami bekerjasama dengan Jabatan PERHILITAN Semenanjung Malaysia Wilayah telah



KAKITANGAN PPj memasang perangkap kera di kawasan hot spot.

menjalankan satu operasi kawalan konflik kera di kawasan Kuarters Penjawat Awam P15-12B, Presint 15 yang merupakan salah satu kawasan tumpuan (*hot spot*).

“Berdasarkan rekod aduan yang

diterima, kebanyakan masalah yang dihadapi oleh penduduk adalah kacau ganggu di kawasan penempatan serta tindakan kera menyelongkar sampah dari tong dan rumah sampah,” ujar beliau.

Fadlun berkata keadaan ini telah menyebabkan penduduk berasa tidak selesa disebabkan kekotoran dan kerosakan harta benda yang dihadapi.

Justeru itu, beliau memberitahu

pihaknya akan sentiasa mengambil langkah yang terbaik bagi mengurangkan kes tersebut daripada terus berleluasa selain bagi memastikan keselamatan penduduk dan persekitaran sentiasa terjaga.

“Antara tindakan yang telah diambil adalah melalui pemasangan perangkap kera bersaiz besar, operasi tembak halau koloni kera dan khidmat nasihat kepada pengurusan fasiliti kuarters berkaitan pengurusan sampah yang perlu diambil dalam meminimumkan impak konflik,” ujarnya.

Selain itu, beliau memaklumkan papan tanda informasi berkaitan konflik kera juga telah diletakkan di taman-taman awam.

“Ia bagi mengelakkan orang ramai daripada memberi makan dan membuat provokasi kepada kera kerana ia akan meningkatkan lagi risiko berlakunya konflik yang lebih buruk termasuk mendatangkan ancaman keselamatan dan kecederaan.

“Sekiranya ada aduan berkaitan kacau ganggu hidupan liar di kawasan anda boleh membuat aduan rasmi melalui sistem SISPAAP PPj,” ujarnya tindakan pencegahan akan dilaksanakan oleh Seksyen Fauna secara berjadual. **WK**



FADLUN (lima kanan) semasa merasmikan Majlis Penyerahan Bendera Wilayah Persekutuan baru-baru ini.

PPj edar 10,000 bendera WP

PERBADANAN Putrajaya (PPj) mengedarkan 10,000 helai bendera Wilayah Persekutuan (WP) bagi menyemarakkan lagi Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) yang ke-50 tahun pada 1 Februari ini.

Acara tersebut disempurnakan oleh Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud** bertempat di Padang Kompleks Kejiranan Presint 9, Putrajaya.

Menurut Fadlun, majlis tersebut adalah simbolik bermulanya Kempen Kibar Bendera Hari Wilayah di Putrajaya melalui sesi penyerahan bendera kepada semua pengerusi zon dan sub

zon Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Putrajaya selaku ketua komuniti di Putrajaya.

“Sebagai gimik pelancaran, kesemua penerima telah menerima bendera Wilayah yang siap sedia untuk dikibarkan oleh Unit Berkuda, Penguat Kuasa PPj.

“Edaran bendera juga telah diserahkan kepada 60 pihak Persatuan Penduduk, 54 kawasan Rukun Tetangga dan 27 buah sekolah di Wilayah Persekutuan Putrajaya dengan jumlah 10,000 helai bendera kesemuanya,” ujar beliau.

Dalam masa sama, Fadlun berkata sempena 50 tahun menelusuri kemajuan dan

kemakmuran Wilayah Persekutuan, pihaknya akan sentiasa berusaha memperkasakan sifat kebersamaan antara komuniti setempat dalam penganjuran Kempen Kibaran Bendera Wilayah Persekutuan sempena SHWP 2024 agar cerminan kemajmukan Wilayah Persekutuan dapat dirasai bersama.

Majlis tersebut turut dimeriahkan dengan Program Langkah Ceria Komuniti Putrajaya (Edisi Penyerahan Bendera Wilayah Persekutuan), Jualan Murah My Grocer@Putrajaya, pelbagai cabutan bertuah serta acara-acara sampingan yang lain. **WK**

Pertandingan terbuka komuniti

SEMPENA Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) 2024, Bahagian Perkhidmatan Komuniti dan Sukan Perbadanan Putrajaya (PPj) bakal menganjurkan Pertandingan Kibar Bendera Wilayah bagi Kategori Persatuan Penduduk Wilayah Putrajaya.

Tarikh penjurian akan dilaksanakan pada 2 dan 3 Februari depan.

Mereka yang berminat boleh mendaftar dengan mengimbas kod QR yang tertera pada poster.

Hanya 15 pendaftaran terawal dan lengkap sahaja layak menyertai pertandingan ini. Hadiah menarik menanti pemenang.

Sebarang maklumat lanjut, boleh hubungi urus setia di talian **03-8887 7580/7756**. Ayuh bersama-sama semarakkan SHWP 2024. **WK**



Giat jalani latihan berintensiti tinggi

Mohamad Aniq buru ranking ke Olimpik

SABRINA SABRE

ATLET angkat berat negara, **Mohamad Aniq Kasdan** mahu terus menyinar tahun ini dengan meletakkan misi pertamanya untuk memburu sekurang-kurangnya kedudukan keempat di ranking kelayakan Olimpik sebelum ke Sukan Olimpik Paris 2024.

Menurut badang negara berusia 22 tahun itu, untuk merealisasikan misinya, dia perlu membuat angkatan keseluruhan sebanyak 305 kilogram (kg) dalam Piala Dunia 2024 di Phuket, Thailand pada April depan.

“Jurulatih memang sasar untuk kejar angkatan 305kg, kalau buat angkatan dalam 300kg saya akan menghuni ranking keempat dunia dan itu sasaran sebelum ke Olimpik tahun ini. Sekarang saya berada di ranking ketujuh dunia selepas kejohanan di Qatar tahun lalu,” ujarnya berharap tiada yang mampu memintas kedudukannya ketika ini.

Awal Disember lepas, atlet kelahiran Johor itu melakar kejayaan sensasi dengan meraih dua pingat di Kejohanan Angkat Berat Antarabangsa di Doha, Qatar.

Mohamad Aniq cemerlang dengan melakukan angkatan 170kg bagi *clean and jerk* kategori 61kg untuk merangkul perak dan membuat angkatan 126kg dalam *snatch* sekali gus merekodkan



AKSI Mohamad Aniq ketika Kejohanan Angkat Berat Antarabangsa di Doha, Qatar.

angkatan keseluruhan 296kg.

Lebih manis, kejayaan Mohamad Aniq itu menyaksikan dia memperbaharui rekod kebangsaan 291kg miliknya sendiri semasa memenangi pingat gangsa dalam Kejohanan Angkat Berat Dunia 2023 di Riyadh, Arab Saudi pada September 2023.

Pencapaian itu meletakkan

Mohamad Aniq di kedudukan ketujuh ranking kelayakan Olimpik dan penyertaan pada Sukan Olimpik dihadkan kepada atlet di kedudukan 10 terbaik ranking kelayakan Olimpik sahaja.

“Namun, ia belum menjamin slot untuk ke temasya berprestij itu memandangkan ranking kelayakan akan sering berubah dari semasa

ke semasa. Jurulatih saya, Edmund Yeo akan memberi tumpuan untuk memberi tekanan bagi acara *snatch* dalam persediaan ke Piala Dunia.

“Saya sedang giat melakukan latihan berintensiti tinggi selain tekankan untuk acara *snatch* kerana merasakan banyak kelemahan pada acara tersebut sewaktu di Qatar. Kami akan teruskan latihan di tanah

Pencapaian Mohamad Aniq

2023 - Kejohanan Angkat Berat Antarabangsa - Tempat kedua

2023 - Kejohanan Angkat Berat Dunia Dunia - Tempat ketiga

2022 - Sukan Komanwel - Emas

air, sebelum ke Shanghai, China untuk sertai kem latihan pada Mac. Saya rasa di Shanghai saya akan lebih fokus untuk membantu diri,” ujarnya Piala Dunia 2024 yang berlangsung di Phuket, Thailand itu akan bermula pada 2 hingga 11 April.

Mengulas lanjut mengenai perkembangannya yang kini berada dalam Program Road To Gold (RTG), pemenang pingat emas Sukan Komanwel 2022 itu berkata kemudahan yang disediakan program tersebut banyak membantunya untuk meningkatkan prestasi pada masa akan datang.

“Dengan kemudahan yang saya terima, sedikit sebanyak menjadi pembakar semangat untuk terus mempamer prestasi cemerlang agar terus kekal berada dalam program ini,” ujarnya. **WK**

Geran KBS perkasa pembangunan industri sukan

KEMENTERIAN Belia dan Sukan (KBS) membuka permohonan geran dan dana bagi penganjuran program dan aktiviti pembangunan belia dan sukan sebagai usaha untuk memperkasa bidang tersebut.

Menurut Ketua Setiausaha KBS, **Dr K Nagulendran**, usaha tersebut melibatkan semua pemegang taruh berkaitan seperti badan sukan, pertubuhan belia, badan bukan kerajaan (NGO) dan entiti swasta atau korporat secara inklusif.

“Komitmen itu turut merangkumi penyertaan atlet yang mewakili Malaysia ke kejohanan-kejohanan sukan bertaraf antarabangsa seterusnya berjaya memberi impak kepada negara.

“KBS telah menyediakan beberapa dana untuk diakses oleh pemegang taruh demi kemajuan dan pembangunan belia dan sukan antaranya adalah Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara (KWASN) iaitu geran bagi menganjurkan program dan aktiviti berkaitan sukan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa termasuk penyertaan atlet dan atlet bebas dalam kejohanan bertaraf antarabangsa.

“Selain itu, Geran Padanan Sukan (GPS) dengan pemberian



NAGULENDRAN (dua kiri) ketika sidang media di Menara KBS.

maksima 50 peratus atau tidak melebihi RM1 juta bagi menganjurkan program dan aktiviti pembangunan sukan. Ia termasuklah penganjuran acara sukan di bawah kategori prestasi tinggi, spesifikasi tinggi serta berimpak tinggi di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa yang dilaksanakan di dalam negara,” katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Dalam masa sama, KBS memaklumkan Dana Sukan Komuniti (DSK) turut disediakan bagi merakyatkan dan membudayakan sukan ke arah menjadikan Malaysia negara bersukan selain menyokong gaya hidup cergas serta sihat. Ia disediakan bagi penganjuran program dan aktiviti sukan akar umbi merangkumi peringkat negeri, daerah, parlimen, DUN,

kampung, taman perumahan dan seumpamanya.

“Kami turut menyediakan Dana Bantuan (Pembangunan Belia) KBS sebagai tambahan kepada Program Rakan Muda di bawah Belanjawan 2024 yang mana ia disediakan khas untuk memacu pelaksanaan Model Pembangunan Belia MADANI 2030 (MPBM 2030) melalui penglibatan semua pemegang taruh,” tambahnya KBS telah menyediakan bantuan pembiayaan kewangan bagi penganjuran program dan aktiviti pembangunan belia di peringkat antarabangsa, kebangsaan, negeri dan daerah.

Di samping itu, KBS berkata penyediaan geran dan dana itu juga dilihat dapat memperkasakan industri sukan melalui penganjuran program-program sukan dan membantu memulihkan ekonomi sektor ini yang telah terkesan akibat wabak COVID-19.

“Permohonan bagi dana-dana tersebut adalah tertakluk kepada terma dan syarat, manakala penganjuran aktiviti berkaitan pembangunan sukan adalah berdasarkan kepada jenis sukan yang tersenarai di dalam Perintah Pembangunan Sukan (Pindaan

Jadual Pertama) 2023, Akta Pembangunan Sukan 1997 yang boleh dimuat turun daripada laman web KBS.

“Kami berharap inisiatif tersebut dapat menyemarakkan lagi hasrat dalam memperkasakan pembangunan belia dan sukan di Malaysia selaras dengan aspirasi digariskan di bawah MPBM 2030 dan Visi Sukan Negara 2030 (VSN 2030) seiring dengan kerangka Malaysia MADANI.

“Orang ramai boleh melayari laman sesawang KBS di <https://www.kbs.gov.my/home> bagi memohon secara dalam talian dan mendapatkan maklumat dengan lebih terperinci,” ujarnya. **WK**



IMBAS THREADS WILAYAHKU



Wanita harus waspada

DEEL ANJER

KES Bella yang dipercayai dibunuh baru-baru ini membuatkan ramai yang terkejut dan bersimpati tidak ketinggalan juga penyanyi **Nabila Razali** yang turut mengikuti kisah ibu tunggal malang itu.

Menurut Nabila atau nama sebenarnya Nur Nabila Mohd Razali, 31, kaum wanita perlu lebih peka terhadap sebarang kemungkinan yang akan berlaku terutamanya ketika berada di luar.

“Memang sangat merisaukan. Saya yang sentiasa menjadi tontonan umum ini sering kali

tersemat perasaan risau di dalam hati. Ia berlaku secara spontan setiap kali jika perlu keluar.

“Kadang-kadang rasa tak selamat, Cuma saya bernasib baik kerana selalu diiringi suami, pengurus dan pembantu. Jadi, apabila ada teman sepanjang masa itu, rasa lebih yakin.

“Kepada para wanita di luar sana, yang selalu pergi kerja sendiri, naik pengangkutan awam, berwaspadalah setiap masa kerana malang tidak berbau,” ujar penyanyi lagu Hanya Kamu ciptaan MFMF dan Aisha Retno ini.

Dalam masa yang sama, Nabila mencadangkan golongan wanita perlu mempelajari ilmu

pertahanan diri dan bijak menggunakan gajet ketika berdepan kecemasan.

“Bagi saya, sekarang ini wanita kena belajar silat dan seumpamanya sekurang-kurangnya ada asas untuk melindungi diri daripada bahaya dalam masa yang sama, sesuai dengan kecanggihan teknologi sekarang, saya rasa tak salah untuk kita kongsi *live location* dengan mereka yang rapat.

“Kalau ada apa-apa berlaku atau tiada respons daripada kita, sekurang-kurangnya ahli keluarga tahu di mana lokasi terakhir untuk menjejaki dan menghantar bantuan,” ujar Nabila. **WK**

Alif Satar tak hirau komen negatif

SEBAGAI seorang selebriti, apa sahaja yang dilakukan mudah menjadi ikutan. Begitulah juga penangan penyanyi dan pengacara popular, **Alif Satar**, 33, yang menganjurkan gerakan solat Subuh berjemaah di masjid iaitu Geng Subuh Macam Jumaat.

Apa yang menakutkan, Alif yang menggunakan tanda pagar *#gengsubuhmacamjumaat* untuk gerakan ini semakin menjadi tular dan ikutan di seluruh negara.

“*Alhamdulillah*, saya bersyukur gerakan ini cukup mendapat sambutan yang hebat dalam kalangan masyarakat. Ini sesuatu yang luar jangkaan saya sebenarnya. Misalnya, baru-baru ini, saya tengok dalam media sosial, lebih 12,000 jemaah solat Subuh secara berjemaah di sebuah masjid di Johor,” ujarinya.

Menurut pelantun lagu Sesungguhnya Aku dan Akhiri Penantianku ini, ia secara tidak langsung menggalakkan umat Islam terus berdoa untuk kesejahteraan hidup dan juga keamanan rakyat Palestin yang sedang ditindas tentera Israel.

“Doa itu adalah senjata orang mukmin. Tidak lupa juga, kita semua harus teruskan berdoa untuk saudara Islam yang berada di Palestin walaupun tidak berjihad bersama mereka namun doa sentiasa bersama mereka,” ujarinya.

Tambahnya, diharapkan ia akan berterusan sampai bila-bila selain menyeru orang ramai untuk menggunakan tanda pagar *#roadtoramadan* sempena bulan mulia yang bakal tiba tidak lama lagi.

Dalam usaha murninya menggalakkan solat Subuh berjemaah di masjid, tidak kurang juga ada segelintir yang kurang senang dengan gerakan itu yang mengatakan ia hanyalah sekadar kelebihan Alif sebagai selebriti.

“Saya tak ambil tahu langsung kalau ada yang cakap negatif. Tak penting pun nak ambil tahu komen-komen sebegitu kerana apa yang harus kita fokus adalah ajak orang ramai solat berjemaah di masjid.

Dalam pada itu, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) memberi sokongan terhadap usaha ke arah kebaikan yang dianjurkan pelbagai pihak termasuk golongan selebriti.

Malah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar berkata JAKIM juga akan menggunakan tanda pagar *#gengsubuhmacamjumaat* dalam *usaha* mengajak anak muda ke masjid. **WK**



Media sosial bukan medium sebar fitnah

PELAKON Risteena mengakui kemodenan dan kecanggihan teknologi yang wujud sekarang telah mengubah cara berkomunikasi sekali gus memudahkan urusan dalam kehidupan seharian.

Di sebalik pelbagai manfaat yang diperoleh, tidak kurang juga ramai yang menggunakan platform media sosial sebagai medium untuk menggalakkan kebencian, fitnah dan sebagainya.

“Akibatnya, hubungan sesama manusia menjadi tidak baik kerana terdapat unsur-unsur negatif yang disebarkan sedangkan masyarakat

sepatutnya meletakkan adab dan etika sebagai pegangan sebelum membuat sesuatu hantaran,” ujarinya.

Tambahnya, agama Islam juga turut menyarankan umatnya untuk sentiasa mementingkan akhlak dalam pergaulan sekali gus ia dapat mengekalkan keharmonian dan kasih sayang.

Menyentuh soal kerjaya, Risteena akan muncul dalam drama Enjoy Your Stay (TV2) bersama pelakon antaranya Aisar Khaleed, Harris Alif dan ramai lagi.

“Untuk drama ini, saya menjalani penggambaran selama satu bulan di Sarawak dan terpaksa berjauhan dengan suami. *Alhamdulillah* semua berjalan lancar dan penggambaran musim kedua Enjoy Your Stay akan dijalankan pada bulan Julai depan bersama pelakon yang sama dan lokasi penggambaran yang sama iaitu Sarawak,” ujarinya.

Dalam masa yang sama, isteri kepada selebriti Isa Khan ini aktif menjalankan bisnes produknya, Risteena Secret. **WK**





Mohamad Aniqburu
ranking ke Olimpik

22

Mufti berkewajipan nyata hukum

Ulama tetap rujukan utama

AZLAN ZAMBRU

KECENDERUNGAN generasi masa kini untuk kembali menyokong golongan agamawan disifatkan sebagai perkembangan yang baik demi kemakmuran negara.

Mufti Pulau Pinang, **Datuk Seri Dr Wan Salim Wan Mohd Noor** berkata perkembangan baharu ini amat melegakan kerana penghayatan terhadap amalan Islam semakin baik dalam kalangan ummah.

"Kami para mufti ini berkewajipan untuk menyatakan hukum, jadi apabila ramai dalam kalangan umat Islam yang menyatakan sokongan ini berkemungkinan disebabkan aktiviti dakwah yang telah meningkat dan ramai golongan ulama yang memberi penerangan dan pandangan yang baik," kata beliau.

Terdahulu, Wan Salim memohon maaf kepada penghibur, Datuk Seri Siti Nurhaliza dan Yayasan Nurjiwa kerana membuat teguran secara terbuka hingga timbul polemik tidak dijangka berikutan cadangan penyanyi nombor satu itu untuk mengadakan konsert dan tarikh penganjuran yang terlalu hampir dengan kehadiran bulan Ramadan.

Bagaimanapun, permohonan maaf itu menimbulkan pelbagai reaksi dalam kalangan orang ramai termasuklah golongan muda yang turut menyatakan pendirian menyokong teguran yang telah dibuat Wan Salim.

Rentetan daripada itu, Wan Salim berkata reaksi yang ditunjukkan khususnya oleh orang ramai yang menyokong golongan agamawan berkemungkinan kerana tahap kesedaran masyarakat yang merasa perlu mengikut pandangan yang dikemukakan mufti.

"Sudah menjadi tugas mufti ini adalah menegur dan menasihati. Jadi mereka sifatkan mufti dan ulama sebagai orang yang perlu menasihati masyarakat dari segi hukum syariah.

"Selain itu, setiap teguran yang dikemukakan oleh seseorang ulama atau mufti itu adalah untuk kebaikan bersama," katanya.

Berbanding keadaan hari ini, Wan Salim berkata pada waktu dahulu ketika zaman kanak-kanak hingga remaja, ramai dalam kalangan masyarakat cenderung untuk memerli, mempersenda bahkan mengherdik golongan

ulama disebabkan kurangnya penghayatan terhadap Islam.

"Namun keadaan itu sudah berubah dan masyarakat kini lebih menghormati pandangan ulama walaupun mereka tidak maksum sama sekali.

"Bahkan golongan ulama juga ada kelemahan-kelemahan tertentu, tetapi sekurang-kurangnya kita telah sampaikan kewajipan yang telah diamanahkan," katanya.

Ditanya mengenai kenyataan maafnya kepada Siti Nurhaliza, Wan Salim menegaskan bahawa tidak salah jika mufti meminta maaf kepada sesiapa sahaja dan tiada manusia yang sempurna selain daripada Rasulullah SAW.

"Siti Nurhaliza ini mempunyai kedudukan dan dipandang tinggi dalam masyarakat kita. Boleh jadi ketika teguran yang saya buat itu menyebabkan beliau terasa hati.

"Saya tidak boleh yakin bahawa apa yang dilafazkan itu adalah betul dan diterima di sisi Allah SWT. Saya menegur hanya berdasarkan pertimbangan ijtihad kerana ia boleh jadi betul dan boleh jadi salah.

"Sebagai mufti mungkin dilihat lebih baik daripada artis tetapi manalah kita tahu, di sisi Allah SWT jadi sebaliknya, justeru tidak salah untuk minta maaf.

"Jadi saya tidak mahu memanjangkan polemik ini dan meminta maaf kerana kita manusia biasa, tidak maksum," ujar beliau.

WK



UMAT Islam diseru untuk menghormati pandangan agamawan.

Tidak salah mohon maaf

MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), **Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar** menyifatkan tindakan Mufti Pulau Pinang, Datuk Seri Dr Wan Salim Wan Mohd Noor yang memohon maaf kepada Datuk Seri Siti Nurhaliza berhubung penganjuran konsert tidak salah dan bersesuaian dengan adab masyarakat Melayu Islam.

Jelas beliau keputusan Wan Salim memohon maaf itu tidak salah dan seharusnya dihormati semua pihak.

"Saya secara peribadi mengenali Mufti Pulau Pinang ini. Beliau seorang yang sangat tawaduk. Apabila penganjur memberikan pencerahan dan penjelasan, beliau dengar.

"Sebagai orang yang tawaduk walaupun ilmunya tinggi, tetapi dia ada rasa hormat. Jadi apa salahnya dia meminta maaf dan adat kita sebagai orang Melayu serta Islam," katanya kepada pemberita selepas Majlis Penyampaian Sijil Profesional SULH-Mediasi (USIM-JKSM) anjuran Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) untuk Anggota Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) pada Selasa.

Terdahulu, Wan Salim membuat teguran terhadap Siti Nurhaliza supaya menunda tarikh konsert berkenaan bagi menghormati

ketibaan bulan Ramadan namun selebriti tersebut menjelaskan bahawa penganjuran konsert tersebut akan diteruskan berikutan ia dibuat untuk mengumpul dana dan akan diserahkan kepada Palestin.

Sementara itu, memetik *Bernama*, Dr Naim berkata penganjuran sebarang program menjelang dan pada Ramadan hendaklah menjurus ke arah membina dan menambah ketakwaan kepada umat Islam.

Menurutnya pihak penganjur perlu lebih sensitif dalam menganjurkan sebarang program dengan mengambil kira kepentingan dan kesucian agama Islam terutama dalam suasana menyambut ketibaan Ramadan.

"Kita galakkan supaya ketika Ramadan atau menjelang bulan itu, perbanyakkan usaha ke arah memperkukuh iman dan takwa. Apa sahaja aktiviti (boleh dianjurkan) termasuk ceramah dan sebagainya, pelbagai kaedah dibuat untuk mengisi (Ramadan) sekali gus membina Madrasah Ramadan.

"Sebagai contoh program di Johor oleh artis, Alif Satar yang menggerakkan Kempen #GengSubuhMacamJumaat... yang ini kita dukung. Program yang membawa masyarakat untuk dekat kepada Allah," katanya. WK

